



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Siri 1
TAHUN 2014

MENGENAI PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
SUBSIDIARI



**MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
SIRI 1 TAHUN 2014 MENGENAI PENGURUSAN AKTIVITI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

ISI KANDUNGAN

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2014
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
2	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) - Pengurusan Perolehan	247 – 254
3	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) - Pengurusan Klinik Mur Sejahtera	255 – 279
4	Perbadanan Putrajaya (PPj) - Pengurusan Perolehan	280 – 285

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2014
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
6	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) - Pengurusan Syarikat ESPEK Plantation Sdn. Bhd	289 – 293
7	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) - Pengurusan Syarikat ESPEK Plantation Sdn. Bhd	294 – 300
8	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) - Pengurusan Syarikat ESPEK Plantation Sdn. Bhd	301 – 304

(AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014**

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

Perenggan 2 : Pengurusan Perolehan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.1	Pecah Kecil Perolehan Jenis Item Yang Sama	
2.4.2.1.a	<p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 2007 dan Bilangan 1 Tahun 2014 menyatakan agensi dilarang memecahkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga atau tender. Peranan Pegawai Pengawal adalah penting dalam memastikan perolehan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti dan perkara berikut dipatuhi sepenuhnya:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Merancang perolehan tahunan agensi dan memastikan perolehan tidak dipecah kecil bagi mengelak sebut harga atau tender; dan ii. Memastikan perolehan jenis item yang sama dalam setahun yang melebihi had nilai pembelian terus dibuat mengikut peraturan perolehan yang ditetapkan. 	
2.4.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati perolehan bekalan/perkhidmatan daripada pembekal yang sama bagi jenis item yang sama telah dipecah kecil.</p> <p>Perolehan bagi jenis item berikut telah dibuat secara pembelian terus melebihi had iaitu membekalkan tenaga kerja berjumlah RM342,668 bagi tahun 2012 hingga 2014, kawalan keselamatan berjumlah RM250,431 bagi tahun 2012 dan 2013, pembekalan peralatan telefon berjumlah RM72,186 bagi tahun 2014 dan penyewaan kereta berjumlah RM72,000 pada tahun 2014.</p> <p>Berdasarkan sampel perolehan tahun 2014, FRIM juga tidak mematuhi had pembelian terus yang telah diturunkan kepada RM20,000 setahun bagi setiap jenis item.</p>	<p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 telah diterima pakai mulai April 2014, di mana perolehan yang melibatkan bekalan/perkhidmatan/kerja yang melebihi RM20,000.00 perlu dibuat secara sebutharga (RFQ).</p> <p>Arahan mandatori bagi mengumukan dan melaksanakan perancangan perolehan tahunan yang dibuat secara tender atau sebutharga telah dikeluarkan pada 2 Januari 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan melebihi RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga.	2 Januari 2015.
2.4.2.2.b	<p>Semakan Audit mendapati FRIM telah membuat perolehan pembelian terus bekalan/perkhidmatan melebihi had nilai yang dibenarkan oleh peraturan yang berkuat kuasa. Pada tahun 2014, sebanyak 4 perolehan berjumlah RM152,535 daripada 2,314 perolehan berjumlah RM8.93 juta tidak dibuat secara sebut harga walaupun jumlah perolehan tahunan bagi setiap jenis item melebihi RM20,000.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM tidak mematuhi prosedur perolehan yang telah ditetapkan dan ini boleh menjelaskan akauntabiliti pengurusan wang awam.</p> <p>Maklum Balas Daripada FRIM Diterima Pada 29 Disember 2014</p> <p><i>FRIM mengambil maklum teguran Audit.</i></p>	
2.4.2.3	Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Bekalan/Perkhidmatan Diterima	
2.4.2.3.a	<p>Mengikut Prosedur Perolehan FRIM, pesanan tempatan mestilah disediakan sebelum pesanan dibuat. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Pesanan Tempatan di dalam sistem My Procurement, mencetak, menandatangani dan mengemukakan kepada Cawangan Perolehan FRIM untuk diproses.</p>	<p>Ketua Pengarah FRIM melalui emelnya bertarikh 20 Disember 2014 telah mengeluarkan peringatan dan arahan kepada semua penjawat awam FRIM mengenai peraturan perolehan bagi memastikan Pesanan Jabatan dikeluarkan sebelum perkhidmatan/bekalan dibekalkan dan AP59 akan diambil kepada yang ingkar.</p>
2.4.2.3.b	<p>Semakan Audit mendapati sebanyak 39 pesanan tempatan berjumlah RM885,788 daripada 348 pesanan tempatan bagi tahun 2012 sehingga bulan September 2014 hanya dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan telah diterima oleh FRIM. Pesanan tempatan dikeluarkan antara 1 hingga 141 hari selepas bekalan/perkhidmatan diterima.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengeluaran pesanan tempatan adalah tidak teratur kerana dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima. Oleh itu, FRIM terdedah kepada risiko penyelewengan/salah guna kuasa dan peruntuhan yang tidak mencukupi.</p> <p>Maklum Balas Daripada FRIM Diterima Pada 29 Disember 2014</p> <p><i>FRIM bersetuju dengan pendapat pihak Audit dan akan memastikan perkara</i></p>	<p>Bagi mempertingkatkan kesedaran dan akauntabiliti ke atas peraturan perolehan, Tatacara Perolehan FRIM akan dikuatkuasakan mulai 1 April 2015.</p> <p>Arahan bagi menilai perolehan (kurang RM20,000 dan Pesanan Jabatan yang dikeluarkan sebelum perkhidmatan/bekalan) berserta dengan justifikasi, kajian pasaran dan risiko untuk disiasat oleh Audit Dalam/Unit Integriti/SPRM telah dimaklumkan pada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi bertarikh 8 Januari 2015.</p> <p>Perbincangan dengan Unit Integriti Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (4 Disember 2014) dan pandangan SPRM dalam membantu memastikan semua perolehan yang dibuat teratur dan mematuhi tatacara prosedur kewangan juga telah diadakan pada 17 Disember 2014 dan 5 Januari 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>ini tidak akan berulang. Pihak pengurusan juga telah mengingatkan semua pegawaiannya untuk mematuhi peraturan ini.</i>	Unit Audit Dalam juga telah diarahkan untuk mengambil isu perolehan (kurang RM20,000) dan Pesanan Jabatan dikeluarkan sebelum perkhdmatan/bekalan, bagi dijadikan sebagai agenda aktiviti auditan 2015.
2.4.3	Perolehan Kerja dan Bekalan	
2.4.3.1	Perolehan Pembinaan Rumah Gateway Dan Peralatan Cerapan Data Di Sungai Haji Dorani, Sungai Besar Selangor	
2.4.3.1.a	<p>FRIM telah menjalankan penyelidikan pemuliharaan hutan bakau di Sungai Haji Dorani, Sungai Besar, Selangor bagi meningkatkan kestabilan ekosistem kawasan pesisiran pantai. FRIM telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 12 Februari 2010 bagi perolehan peralatan cerapan data secara rundingan terus untuk kajian tanah. Harga kontrak bagi peralatan tersebut yang dibeli daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah berjumlah RM570,000.</p> <p>Peralatan cerapan data tersebut diperlukan bagi membolehkan FRIM mendapatkan pelbagai data seperti kekuatan ombak, kualiti air dan udara dalam penyelidikan penanaman pokok bakau dan spesis lain di pesisiran pantai negara. Data tersebut akan dicerap melalui sensor dan kamera di 3 buah menara yang dibangun khas. Cerapan yang dilakukan dalam format nombor dan imej akan dipindahkan dari menara ke server di rumah gateway menggunakan teknologi gelombang radio.</p>	<p>Peralatan <i>Integrated Electronic Management System (IEMS)</i> telah dihantar ke UTM pada 20 Januari 2015 bagi maksud kalibrasi, pengubahauan perkakasan dan perisian untuk dijadikan sistem mudah alih; dan dijangka siap pada 14 Mac 2015. Melalui pengubahauan ini, sistem hanya dipasang ketika pencerapan data dan ditanggal kembali untuk disimpan di FRIM setelah selesai kerja-kerja cerapan.</p> <p>Pemasangan peralatan sistem IEMS mudah alih dijadualkan dilaksanakan oleh pihak UTM di Sg. Hj. Dorani pada 15 Mac 2015. Latihan pengendalian dan penggunaan sistem kepada penjawat awam FRIM yang telah dilantik dijadualkan dibuat oleh pihak UTM mulai 15 hingga 21 Mac 2015.</p> <p>Semasa tempoh pencerapan data, dua (2) orang petugas yang telah dilantik oleh Pengarah Bahagian Perhutanan Dan Alam Sekitar pada 7 Januari 2015 ditempatkan di tapak kajian pada setiap masa untuk mengawasi aset dan memantau kerja-kerja pencerapan data.</p> <p>Pentaulahan dan bayaran akhir kepada UTM sebanyak RM22,500 hanya dibuat setelah data-data cerapan melalui sistem IEMS diperolehi dan latihan kepada penjawat awam terlibat dijangka selesai pada 31 Mac 2015.</p>
2.4.3.1.b	<p>Perolehan bagi pembinaan rumah gateway diuruskan oleh pihak JPS Negeri Selangor dengan harga kontrak berjumlah RM74,200. Semua urusan pembayaran adalah di bawah tanggungjawab FRIM dan rumah gateway tersebut adalah hak milik FRIM.</p> <p>Semakan lanjut mendapati peralatan cerapan data telah diterima pada 31 Oktober 2011 manakala rumah gateway hanya siap pada bulan Ogos 2012. Surat arahan pemasangan <i>Integrated Electronic Monitoring System (IEMS)</i> di dalam rumah gateway telah dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar kepada pihak UTM pada 12 April 2013.</p>	Tempoh tanggungan kecacatan rumah gateway adalah selama 12 bulan dari tarikh pentaulahan dan penyerahan akhir sistem pencerapan data iaitu pada 30 Mac 2016 berdasarkan pada klausula 14.2 : Dokumen Kontrak Bil. 1/2010.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.3.1.c	<p>Lawatan fizikal ke 3 menara dan sebuah rumah <i>gateway</i> mendapati peralatan cerapan data tidak dipasang di menara dan rumah <i>gateway</i> sebagaimana yang sepatutnya.</p> <p>Pihak Audit juga mendapati keadaan rumah <i>gateway</i> terbiar, tidak terurus, rosak dan terdapat kesan pencerobohan serta kecurian. Pencerobohan dan kecurian tersebut berlaku sementara menunggu pemasangan IEMS oleh pihak UTM.</p> <p>Semakan Audit terhadap Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan mendapati FRIM telah kehilangan 2 unit penyaman udara termasuk <i>compressor</i> dan <i>grill</i> pintu di rumah <i>gateway</i> yang berjumlah RM2,700. Laporan polis telah dibuat pada 28 Ogos 2013 dan keadaan rumah <i>gateway</i> serta menara adalah seperti gambar berikut:</p>	
2.4.3.1.d	<p>Semakan lanjut mendapati pada 21 Februari 2014, FRIM dan UTM telah bersetuju peralatan cerapan data bagi kajian tanah tersebut tidak dipasang kerana faktor keselamatan. Peralatan cerapan data tersebut telah disimpan di FRIM, Kepong pada bulan Mac 2014. Bayaran akhir sejumlah RM22,500 masih belum dibuat dan ia tertakluk kepada pentaulahan akhir sistem. Pemeriksaan pada 11 November 2014 mendapati peralatan cerapan data tersebut masih belum digunakan dan ditempatkan di sebuah bilik yang berkunci di FRIM.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan peralatan bagi projek pencerapan data dan pembinaan rumah <i>gateway</i> di Sungai Haji Dorani adalah suatu pembaziran kerana sehingga tarikh pengauditan, perolehan yang keseluruhannya berjumlah RM644,200 adalah terbiar, tidak terurus, rosak dan telah berlaku kecurian 2 unit penyaman udara termasuk <i>compressor</i> dan <i>grill</i> pintu.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada FRIM Diterima Pada 29 Disember 2014</i></p> <p><i>FRIM memaklumkan ekoran daripada isu pencerobohan dan kecurian di rumah gateway, maka Jawatankuasa Pengurusan Aset telah menubuahkan Jawatankuasa Penyiasat Khas pada 21 Oktober 2014 bertujuan untuk menyiasat dengan terperinci masalah yang telah timbul serta mengemukakan cadangan berupa pelan tindakan masa hadapan (way-forward planning) supaya kesemua aset yang telah diperolehi dapat dimanfaatkan. Jawatankuasa Penyiasat Khas ini telah mengemukakan laporan siasatan awal pada 30 November 2014. Antara saranan yang diberikan dan yang telah</i></p>	<p>Kesemua tiga (3) menara di Sg. Hj Dorani dijadikan menara pencerapan data bagi kajian flora dan fauna oleh pelbagai agensi. Antara projek yang telah dijalankan adalah kajian populasi burung, kesan penanaman bakau oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (mulai 8 Julai 2014 hingga Disember 2015), kajian makro fauna oleh UiTM (mulai Mac 2013 hingga Disember 2015) dan pemantauan kemandirian spesies-spesies persisiran pantai (sejak 2011). Kesemua projek-projek ini adalah sebagaimana diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Saintifik Program Penanaman Bakau dan Spesies Sesuai di Pesisiran Pantai Negara yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dipersetujui pada Mesyuarat Perbincangan Projek Pencerapan Data Di Sungai Haji Dorani yang telah diadakan pada 17 Disember 2014 adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Sistem cerapan data diubah untuk dapat mencerap data secara mudah alih dengan menggunakan aset sedia ada. Ini bermakna peralatan akan dipasang ketika mencerap data dan ditanggalkan semula selepas kerja pencerapan selesai untuk menjamin keselamatan peralatan. b. FRIM akan melantik ahli petugas untuk pemasangan, pengendalian dan keperluan teknikal sistem cerapan data di pelbagai lokasi untuk keperluan penyelidikan. c. Menara di Sungai Haji Dorani boleh digunakan sebagai menara pemerhatian flora dan fauna selain dari menara untuk mencerap data. 	bersidang tiga (3) kali setiap tahun sejak 2006 hingga sekarang.
2.4.3.2	<p>Perolehan Peralatan DI Stesen Penyelidikan FRIM, Maran Pahang</p> <p>Stesen Penyelidikan FRIM, Maran (SPFM) terletak di Ulu Luit, Maran, Pahang berhampiran dengan Hutan Simpan Bentong. Penubuhan stesen ini adalah di bawah Program Tumbuhan Herba dan akan dijadikan pusat utama pengumpulan dan pemprosesan herba di Maran.</p> <p>Kemudahan yang terdapat di SPFM antaranya ialah pejabat pengurusan, Pusat Teknologi Lepas Tuai, rumah tamu, kuarters, stor fertilizer, kawasan tanaman herba, pengering herba segar, rumah semai dan sistem rumah hijau.</p>	<p>Proses pemasangan alat Solar Dryer tersebut telah bermula pada 26 Ogos 2014 dan serahan pada pihak FRIM adalah pada 28 Ogos 2014. Latihan penggunaan alat fasa 1 (Solar Dryer) telah diadakan pada 28 Ogos 2014 yang dihadiri oleh lima (5) orang penjawat awam FRIM. Latihan dan ujilari melibatkan peralatan lain seperti oven, grinder dan cold room telah dijalankan pada 4 hingga 9 Mac 2015 yang disertai oleh enam (6) orang penjawat awam FRIM dengan menggunakan air bawah tanah.</p> <p>Walau bagaimanapun peralatan tersebut hanya boleh digunakan untuk aktiviti penyelidikan manakala untuk aktiviti pembangunan produk memerlukan bekalan sumber air Reverse Osmosis (RO). Tindakan untuk mendapatkan bekalan air RO telah dibuat, dimana fasa 1 melibatkan pembekalan air bersih ke Pusat Teknologi Lepas Tuai dengan kerjasama pihak Perbadanan Air Pahang (PAIP).</p>
2.4.3.2.a	<p>Solar Dryer Untuk Pusat Teknologi Lepas Tuai</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pada 7 Februari 2014, FRIM telah melantik Hakita Engineering Sdn. Berhad untuk membekal, memasang dan menguji seunit Solar Dryer untuk Pusat Teknologi Lepas Tuai yang bernilai RM229,800. Mesin tersebut berfungsi untuk mengeringkan herba segar dengan menggunakan udara panas daripada cahaya matahari yang disimpan dalam unit pemanas sebagai storan tenaga. ii. Semakan Audit mendapati mengikut Sebutharga FRIM 46/2013, pembekalan peralatan sepatutnya dibuat dalam tempoh 16 minggu dari 17 Februari 2014 hingga 9 Jun 2014. Bagaimanapun, pembekal tidak dapat membekalkan peralatan dalam tempoh tersebut kerana 	<p>Iklan Sebutharga pembekalan air bersih serta pembinaan rumah pam telah dikeluarkan pada 13 Februari 2015 dan lawatan tapak oleh kontraktor telah diadakan pada 24 Februari 2015. Surat Setuju Terima kepada syarikat yang berjaya dijadualkan dikeluarkan pada 16 Mac 2015. Surat kebenaran masuk awal untuk pembinaan daripada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Pahang telah diterima pada 13 Februari 2015. Perjanjian dengan peneroka mengenai bayaran pampasan gantirugi tanaman sawit yang diusahakan, dijangka ditandatangani pada 16 Mac 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menghadapi masalah kewangan dan kelewatan mendapatkan stok. Pembekal telah memohon lanjutan masa dan Jawatankuasa Sebut Harga telah meluluskannya pada 25 Julai 2014. Tempoh lanjutan yang diluluskan adalah selama 60 hari dan tamat pada 8 Ogos 2014.</p> <p>iii. Lawatan Audit ke lokasi aset mendapati mesin tersebut telah siap dibekal dan dipasang pada 4 Ogos 2014 berdekatan Pusat Teknologi Lepas Tuai. Bagaimanapun, mesin tersebut masih belum dapat digunakan kerana tiada bekalan sumber utama iaitu air <i>Reverse Osmosis</i> (RO) yang diperlukan untuk mencuci herba sebelum ia dikeringkan dalam mesin <i>Solar Dryer</i>. Pihak Audit dimaklumkan bahawa bekalan air RO hanya dapat disediakan pada bulan Mac 2015 kerana kos untuk menyediakan air RO adalah dianggarkan berjumlah RM450,000 dan FRIM tidak mempunyai peruntukan untuk melaksanakannya dalam tahun semasa. Penggunaan air paip tidak sesuai digunakan kerana mengandungi mikrob yang boleh menjasaskan kualiti sampel dan produk yang akan dihasilkan. Mesin <i>solar dryer</i> yang telah siap dipasang.</p>	<p>Fasa 2 melibatkan proses perolehan bekalan sistem RO sedang dalam proses penyediaan spesifikasi (BQ) untuk panggilan melalui sebutharga yang dijangka pada 15 April 2015 dengan anggaran kos RM250,000.</p> <p>Pusat Teknologi Lepas Tuai dijangka beroperasi sepenuhnya pada 31 Julai 2015 selepas bekalan air bersih dan sistem RO Water diperolehi sepatimana pelan tindakan yang telah dirangka. Produk separa proses yang memenuhi semua spesifikasi dan bersesuaian dengan fungsi Pusat Teknologi Lepas Tuai dijangka dikeluarkan sebaik sahaja sistem RO Water disempumakan.</p>
2.4.3.2.b	<p>Peralatan di Pusat Teknologi Lepas Tuai</p> <p>i. Pusat Teknologi Lepas Tuai dibina bertujuan sebagai pusat penyelidikan dan pemantauan kualiti bahan tanaman herba di SPF bagi mengumpul herba dan melaksanakan pra-pemprosesan bahan mentah di kawasan pantai timur. Perolehan tersebut telah dilaksanakan melalui 2 sebut harga oleh JPS pada tahun 2010 dan FRIM sebagai agensi pembayar. Projek pembinaan tersebut dijangka siap pada 4 Oktober 2010 dengan kos keseluruhan berjumlah RM556,736. Bagaimanapun, pusat tersebut hanya disiapkan pada 7 Oktober 2011 dan diserahkan kepada FRIM pada 17 November 2011.</p> <p>ii. Lawatan Audit mendapati pelbagai peralatan penyelidikan herba berjumlah RM243,520 telah ditempatkan di dalam pusat tersebut dan ia masih belum digunakan. Ini kerana pusat tersebut masih belum beroperasi sepenuhnya sejak ia siap dibina pada bulan Oktober 2011 disebabkan tiada bekalan air RO yang diperlukan untuk memproses herba.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan yang dibuat adalah tidak teratur dan tidak dirancang dengan teliti kerana peralatan yang dibeli tidak dapat digunakan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tanpa sumber air RO. FRIM juga berdepan dengan risiko menanggung kos kerosakan peralatan di luar tempoh jaminan serta risiko kecurian.</p> <p><i>Maklum Balas Daripada FRIM Diterima Pada 29 Disember 2014</i></p> <p><i>FRIM memaklumkan kos untuk memproses air RO menggunakan punca air bawah tanah akan melibatkan kos yang dianggarkan berjumlah RM450,000. Oleh itu, FRIM telah mengambil tindakan untuk mendapatkan bekalan air bersih bagi mengurangkan kos penghasilan air RO iaitu sehingga 30%. Selain itu, penggunaan air bersih juga dapat dimanfaatkan untuk keperluan domestik sehari-hari. Namun terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan dalam proses pembekalan air bersih yang antaranya adalah peneroka tanah bagi tapak pembinaan rumah pam yang dicadangkan telah menuntut pampasan dan ini memerlukan perundingan dan penglibatan pihak berkuasa tertentu. FRIM memaklumkan Pusat Teknologi Lepas Tuai akan beroperasi sepenuhnya pada 31 Julai 2015 selepas mendapat bekalan air bersih seperti mana pelan tindakan yang telah dirangka.</i></p>	

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

Perenggan 3 : Pengurusan Klinik Nur Sejahtera

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																																																																																																						
3.4.1	Prestasi Program Khas																																																																																																																																							
3.4.1.1.a	<p>Program Subsidi Ujian Mamogram</p> <p>Program Subsidi Ujian Mamogram yang dilaksanakan bermula pada tahun 2007 bertujuan meningkatkan kesedaran wanita mengenai kesihatan payudara dan pentingnya pengesanan awal melalui 59 Klinik Nur Sejahtera dan 62 Pusat Mamogram Swasta. Program ini disediakan khusus bagi wanita warganegara Malaysia atau penduduk tetap, berumur 40 hingga 70 tahun dan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000. Wanita berumur 35 hingga 39 tahun yang mempunyai sejarah keluarga mendapat kanser payudara di bawah umur 40 tahun juga layak mendapat subsidi.</p>	<p>Data pencapaian bagi tahun 2013 adalah 50,380 wanita (50.4%) berbanding 39,019 wanita (39%) seperti yang dilaporkan.</p> <p style="text-align: center;">Prestasi Program Subsidi Ujian Mamogram 2012-2014</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">BIL</th> <th rowspan="2">NEGERI</th> <th colspan="6">BILANGAN WANITA</th> </tr> <tr> <th>Sasar</th> <th>Capai</th> <th>Sasar</th> <th>Capai</th> <th>Sasar</th> <th>Capai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Perlis</td> <td>250</td> <td>-</td> <td>2,000</td> <td>-</td> <td>500</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Kedah</td> <td>3,900</td> <td>6,921</td> <td>7,000</td> <td>4,629</td> <td>3,500</td> <td>4,452</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>P.Pinang</td> <td>11,700</td> <td>13,792</td> <td>10,000</td> <td>7,157</td> <td>7,000</td> <td>6,718</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Perak</td> <td>6,500</td> <td>5,981</td> <td>8,500</td> <td>3,508</td> <td>6,000</td> <td>5,346</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Selangor</td> <td>7,800</td> <td>8,212</td> <td>12,000</td> <td>3,325</td> <td>8,000</td> <td>2,768</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>WP KL</td> <td>10,400</td> <td>19,874</td> <td>12,000</td> <td>8,116</td> <td>9,000</td> <td>5,927</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>N. Sembilan</td> <td>2,600</td> <td>6,416</td> <td>8,500</td> <td>2,627</td> <td>4,000</td> <td>4,812</td> </tr> <tr> <td>8.</td> <td>Melaka</td> <td>1,300</td> <td>2,686</td> <td>3,000</td> <td>2,251</td> <td>2,000</td> <td>2,261</td> </tr> <tr> <td>9.</td> <td>Johor</td> <td>2,600</td> <td>4,189</td> <td>6,000</td> <td>2,382</td> <td>2,500</td> <td>2,428</td> </tr> <tr> <td>10.</td> <td>Pahang</td> <td>2,600</td> <td>6,205</td> <td>7,000</td> <td>5,432</td> <td>3,500</td> <td>1,803</td> </tr> <tr> <td>11.</td> <td>Kelantan</td> <td>250</td> <td>-</td> <td>1,500</td> <td>-</td> <td>500</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>12.</td> <td>Terengganu</td> <td>750</td> <td>-</td> <td>2,500</td> <td>35</td> <td>2,000</td> <td>625</td> </tr> <tr> <td>13.</td> <td>Sabah</td> <td>3,900</td> <td>4,299</td> <td>5,000</td> <td>2,622</td> <td>3,500</td> <td>1,975</td> </tr> <tr> <td>14.</td> <td>Sarawak</td> <td>5,200</td> <td>10,965</td> <td>12,000</td> <td>7,859</td> <td>6,500</td> <td>11,012</td> </tr> <tr> <td>15.</td> <td>WP Labuan</td> <td>250</td> <td>-</td> <td>3,000</td> <td>437</td> <td>1,500</td> <td>244</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	NEGERI	BILANGAN WANITA						Sasar	Capai	Sasar	Capai	Sasar	Capai	1.	Perlis	250	-	2,000	-	500	-	2.	Kedah	3,900	6,921	7,000	4,629	3,500	4,452	3.	P.Pinang	11,700	13,792	10,000	7,157	7,000	6,718	4.	Perak	6,500	5,981	8,500	3,508	6,000	5,346	5.	Selangor	7,800	8,212	12,000	3,325	8,000	2,768	6.	WP KL	10,400	19,874	12,000	8,116	9,000	5,927	7.	N. Sembilan	2,600	6,416	8,500	2,627	4,000	4,812	8.	Melaka	1,300	2,686	3,000	2,251	2,000	2,261	9.	Johor	2,600	4,189	6,000	2,382	2,500	2,428	10.	Pahang	2,600	6,205	7,000	5,432	3,500	1,803	11.	Kelantan	250	-	1,500	-	500	-	12.	Terengganu	750	-	2,500	35	2,000	625	13.	Sabah	3,900	4,299	5,000	2,622	3,500	1,975	14.	Sarawak	5,200	10,965	12,000	7,859	6,500	11,012	15.	WP Labuan	250	-	3,000	437	1,500	244
BIL	NEGERI	BILANGAN WANITA																																																																																																																																						
		Sasar	Capai	Sasar	Capai	Sasar	Capai																																																																																																																																	
1.	Perlis	250	-	2,000	-	500	-																																																																																																																																	
2.	Kedah	3,900	6,921	7,000	4,629	3,500	4,452																																																																																																																																	
3.	P.Pinang	11,700	13,792	10,000	7,157	7,000	6,718																																																																																																																																	
4.	Perak	6,500	5,981	8,500	3,508	6,000	5,346																																																																																																																																	
5.	Selangor	7,800	8,212	12,000	3,325	8,000	2,768																																																																																																																																	
6.	WP KL	10,400	19,874	12,000	8,116	9,000	5,927																																																																																																																																	
7.	N. Sembilan	2,600	6,416	8,500	2,627	4,000	4,812																																																																																																																																	
8.	Melaka	1,300	2,686	3,000	2,251	2,000	2,261																																																																																																																																	
9.	Johor	2,600	4,189	6,000	2,382	2,500	2,428																																																																																																																																	
10.	Pahang	2,600	6,205	7,000	5,432	3,500	1,803																																																																																																																																	
11.	Kelantan	250	-	1,500	-	500	-																																																																																																																																	
12.	Terengganu	750	-	2,500	35	2,000	625																																																																																																																																	
13.	Sabah	3,900	4,299	5,000	2,622	3,500	1,975																																																																																																																																	
14.	Sarawak	5,200	10,965	12,000	7,859	6,500	11,012																																																																																																																																	
15.	WP Labuan	250	-	3,000	437	1,500	244																																																																																																																																	
3.4.1.1.c	<p>LPPKN telah menerima peruntukan Program Khas Subsidi Ujian Mamogram sejumlah RM25 juta pada tahun 2013 dan RM10 juta pada tahun 2014. Sejumlah RM40.17 juta telah dibelanjakan dari tahun 2007 sehingga 2014 untuk program ini.</p>																																																																																																																																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini													
		JUMLAH	60,000	89,540	100,00 0	50,38 0	60,00 0	50,371							
3.4.1.1.d	Semakan lanjut mendapati bagi tahun 2012 sehingga 2014, seramai 190,291 atau 86.4% wanita telah menjalani ujian mamogram di Pusat Mamogram Swasta. Pencapaian tertinggi dicatatkan pada tahun 2012 iaitu seramai 89,540 wanita atau 149.2% berbanding sasaran. Namun, pencapaian pada tahun 2013 menurun kepada 39,019 atau 39% berbanding 100,000 yang disasarkan. Ini disebabkan peningkatan sasaran seramai 40,000 berbanding tahun 2012 kerana diluluskan peruntukan sejumlah RM25 juta pada tahun 2013.														
3.4.1.1.e	Seramai 50,371 wanita atau 83.9% telah menjalani ujian mamogram berbanding sasaran 60,000 wanita pada tahun 2014.														
3.4.1.1.f	<p>Sejak pelaksanaan program pada tahun 2007 sehingga 2014, hasil ujian mamogram menunjukkan seramai 198,137 wanita atau 91.4% didapati normal, 18,692 atau 8.6% memerlukan pemeriksaan lanjut manakala 204 atau 0.1% dikesan positif kanser payudara dan telah menjalani pembedahan serta rawatan lanjut.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pencapaian prestasi Program Subsidi Ujian Mamogram adalah baik kerana bilangan wanita yang menjalani ujian mamogram bagi tempoh 3 tahun secara purata melebihi 90% berbanding sasaran.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 Januari 2015</p> <p><i>Faktor tidak mencapai sasaran bagi tahun 2013:-</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Penambahan program baru tanpa penambahan kakitangan.</i> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PROGRAM BARU</th> <th>SASARAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Vaksinasi HPV</td> <td>80,000 wanita</td> </tr> <tr> <td>Mobile CTC</td> <td>18,892 klien</td> </tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> <i>Kurang peruntukan promosi di peringkat LPPKN. Pada tahun 2013 peruntukan promosi hanya sebanyak 4.8% dari jumlah peruntukan RM25 juta.</i> <i>Pemberian ujian mamogram percuma oleh PERKESO:-</i> 	PROGRAM BARU	SASARAN	Vaksinasi HPV	80,000 wanita	Mobile CTC	18,892 klien								
PROGRAM BARU	SASARAN														
Vaksinasi HPV	80,000 wanita														
Mobile CTC	18,892 klien														

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti penerimaan klien LPPKN dihadkan di pusat mamogram bagi menerima klien rujukan PERKESO dan klien pusat mamogram itu sendiri. • Semua pusat mamogram (62) berdaftar LPPKN juga menjadi panel PERKESO. • Pencarum PERKESO boleh mendapatkan ujian mamogram percuma melalui program PERKESO. <p>iv. Tahap kesedaran wanita bagi menjalani ujian mamogram masih rendah. Ini juga turut dinyatakan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Pencegahan dan Saringan Kanser Kebangsaan KKM. Di mana jumlah wanita yang mendaftar adalah lebih tinggi berbanding wanita yang menjalani ujian mamogram.</p>	
3.4.2	Pengurusan Bekalan Kontraseptif Dan Ubat-ubatan	
3.4.2.1.a	Perolehan Tidak Mengikut Kontrak	<p>Mengikut tatacara perolehan, setiap perolehan perlu dirancang supaya perlaksanaannya dapat memenuhi keperluan, jenis kuantiti dan kualiti. Peruntukan perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja adalah yang telah diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
3.4.2.1.b	LPPKN telah melantik 3 syarikat pembekal kontraseptif dan ubat iaitu M.S Ally Pharma Sdn. Berhad, Pribumi Sdn. Berhad dan Mutiara Murni Sdn. Berhad. Semakan Audit mendapati proses perolehan melalui sebut harga, tender dan rundingan terus telah dilaksanakan dengan teratur.	<p>Perjanjian bagi perolehan bekalan vaksin dan ubat bagi tahun 2015 (no. rujukan LPPKN/BRM/3023/15-15) yang ditandatangani pada 27 Februari 2015 telah menyatakan nilai perjanjian mengikut tempoh kontrak.</p>
3.4.2.1.c	<p>Mengikut Perjanjian Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Kontraseptif dan Ubat Rawatan Kesuburan Bilangan 1 Tahun 2010, LPPKN boleh memohon tambahan stok sebanyak 50% daripada harga kontrak dan jumlah maksimum kontrak yang dibenarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perolehan yang dibuat pada tahun pertama dan kedua berjumlah RM5.41 juta telah melebihi sejumlah RM1.13 juta daripada jumlah maksimum yang dibenarkan. Perkara ini berlaku disebabkan Unit Perolehan, LPPKN tidak memantau secara berterusan terhadap perolehan stok bekalan.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPPKN tidak merancang dengan rapi sebelum membuat perolehan bekalan kontraseptif dan ubat. Ini menyebabkan perolehan tambahan perlu dibuat dan bayaran tidak mengikut syarat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kontrak.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 Januari 2015</p> <p><i>Perolehan melebihi kontrak bagi tahun pertama (2011) sejumlah RM706,247 dan tahun kedua (2012) sejumlah RM427,947 manakala perolehan bagi tahun ketiga (2013) berjumlah RM914,606. Oleh itu, jumlah perolehan sebenar yang dilakukan adalah RM6,325,679 iaitu kurang RM89,638 berbanding kontrak sebanyak RM6,415,317. Lebihan perolehan tahunan ini berlaku disebabkan salah pemahaman mengenai tafsiran nilai kontrak iaitu berpandukan kepada keseluruhan nilai perolehan 3 tahun dan bukannya mengikut pengiraan nilai perolehan tahunan seperti yang dinyatakan dalam kontrak. LPPKN akur dengan teguran Audit dan akan lebih teliti dalam menyediakan kontrak akan datang.</i></p>	
3.4.2.2	Bekalan Kontraseptif dan Ubat-ubatan Tidak Dilakukan Oleh Pegawai Perubatan Berdaftar Atau Ahli Farmasi	
3.4.2.2.a	<p>Seksyen 21 Akta Racun 1952 (Disemak-1989) menyatakan bahawa semua ubat-ubatan yang tergolong dalam Kumpulan B hendaklah dibekalkan oleh pegawai perubatan berdaftar atau ahli farmasi melalui preskripsi pegawai perubatan berdaftar. Bekalan kontraseptif dan ubat-ubatan oleh LPPKN adalah tertakluk kepada akta ini.</p>	<p>LPPKN masih menunggu jawapan dari KKM mengenai status perkara berikut-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawatan Pegawai Perubatan secara Pinjaman; • Pebincangan mengenai Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-ubatan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (rujukan Bil. (10) LPPKN 3/9/1 Jld. 7 bth 19 Januari 2015); dan • Permohonan Pengecualian untuk Jururawat Mempreskripsi dan Mendispensi Ubat kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (rujukan Bil. (14) LPPKN 3/9/1 Jld. 7 bth 10 Februari 2015).
3.4.2.2.b	<p>Pengendalian ubat-ubatan di kesemua Klinik Nur Sejahtera dibuat oleh Pegawai Perubatan berdaftar atau Jururawat Terlatih. Lawatan Audit ke 24 klinik mendapati pengendalian ubat-ubatan kepada pelanggan dibuat oleh Jururawat Terlatih.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengendalian ubat-ubatan di Klinik Nur Sejahtera tidak mematuhi akta yang ditetapkan dan menyebabkan LPPKN boleh dikenakan tindakan undang-undang.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 28 Januari dan 12 Februari 2015</p> <p><i>Proses bagi perbekalan kontraseptif dan ubat-ubatan dilaksanakan oleh Pegawai Perubatan di Bahagian Reproduksi Manusia dengan menggunakan SOP (ISO 9001: 2008 – Pengurusan Farmasi). Terdapat 84</i></p>	<p>LPPKN telah membuat susulan dengan KKM pada 3 Mac 2015 dan dimaklumkan bahawa perkara ini telah mendapat perhatian dari pihak KKM dan merancang mengadakan perbincangan lanjut bersama LPPKN pada akhir Mac 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pegawai perubatan sambilan yang berkhidmat di klinik LPPKN negeri. Bagaimanapun, bilangan ini masih tidak mencukupi.</p> <p>Antara tindakan yang telah diambil:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i LPPKN mempunyai satu jawatan Pegawai Farmasi, gred U44. Memandangkan gred jawatan yang diluluskan adalah pada gred kenaikan pangkat, LPPKN telah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menukar waran perjawatan kepada Pegawai Farmasi, gred U41/44 berkuat kuasa pada 1 Januari 2015. ii Pada tahun 2013, JPA telah meluluskan permohonan naik taraf bagi 19 jawatan Pegawai Perubatan, gred UD41 di Ibu Pejabat dan Negeri kepada Pegawai Perubatan, gred UD43/44. Permohonan ini dilaksanakan atas kesukaran bagi LPPKN untuk mengisi jawatan tersebut daripada tahun 2010. Pada 8 September 2014, LPPKN telah menghantar permohonan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memohon pinjaman 19 jawatan Pegawai Perubatan, UD44. KPWKM telah menghantar permohonan ini kepada KKM pada 18 November 2014. Jika permohonan ini berjaya, LPPKN akan mempunyai Pegawai Perubatan di setiap Pusat Pentadbiran Negeri yang seterusnya akan membantu dalam urusan perbekalan dan pemantauan ubat-ubatan di klinik daerah bagi setiap negeri. iii Selepas teguran Audit, Bahagian Reproduksi Manusia, Ibu Pejabat telah menghantar surat Bil (10) LPPKN 3/9/1/Jld.7 bertarikh 11 Februari 2015 kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengadakan perbincangan dan mendapatkan pandangan serta maklumat berkaitan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-Ubatan Bagi LPPKN. Selain itu, surat Permohonan Pengecualian Untuk Jururawat Mempriskripsi dan Mendispen Ubat telah dihantar kepada KKM. 	
3.4.2.3	Tempat Penyimpanan Stok Bekalan Kontraseptif Dan Ubat-ubatan Tidak Diasingkan	
3.4.2.3.a	Akta Racun 1952 (Disemak-1989) menyatakan tempat simpanan ubat-ubatan hendaklah disimpan di dalam almari yang berkunci atau disediakan tempat yang khas hanya untuk menyimpan ubat.	Tindakan mengasingkan stok ubat dan alat tulis telah selesai diambil tindakan dan Pejabat LPPKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengasingkan stok ubat dari stok lain bermula awal Februari 2015 dalam bilik khas sementara menunggu hasil perbincangan dengan KKM seperti yang dinyatakan dalam para 4.4.2.2.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
3.4.2.3.b	<p>Lawatan Audit ke stor Ibu Pejabat Wilayah Persekutuan dan pejabat negeri di Selangor, Pahang serta Sabah mendapati tempat penyimpanan stok kontraseptif dan ubat-ubatan bercampur dengan barangang stok lain seperti alat tulis, alat pakai buang klinik dan aset yang tidak digunakan kerana tiada tempat penyimpanan khas disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, stok ubat-ubatan yang tidak disimpan secara berasingan tidak mematuhi akta yang ditetapkan. Stok ubat-ubatan yang tidak disimpan secara baik boleh menjasakan kualiti ubat dan memberi kesan kepada pengguna.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 dan 28 Januari 2015</p> <p><i>Bahagian Reproduksi Manusia telah mengadakan Taklimat Dan Perbincangan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Peralatan Perubatan serta Peralatan Perubatan Pakai Buang untuk kakitangan yang berkenaan pada 17 Mei 2014 bertempat di Bilik Latihan Tingkat 13 LPPKN Ibu pejabat. Selepas teguran Audit, surat peringatan mesra pada 7 Januari 2015 dikemukakan kepada semua pengarah LPPKN Negeri supaya menyediakan tempat penyimpanan ubat yang sesuai dan berasingan dengan stok lain. LPPKN akan menyediakan SOP bagi pengurusan ubat-ubatan dengan khidmat nasihat dari Bahagian Farmasi KKM. Selain itu, senarai semak pengurusan dan penyimpanan ubat serta kontraseptif akan disediakan bagi pasukan pemantauan dan pengarah negeri.</i></p> <p><i>Maklum balas daripada Pejabat LPPKN Negeri dan bahagian berkenaan adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="316 1056 1140 1265"> <thead> <tr> <th data-bbox="316 1056 496 1098">BAHAGIAN</th><th data-bbox="496 1056 1140 1098">MAKLUM BALAS</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="316 1098 496 1265"> <i>Bahagian Reproduksi Manusia Ibu Pejabat</i> </td><td data-bbox="496 1098 1140 1265"> <i>Bahagian Reproduksi Manusia telah menghantar surat kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM untuk mengadakan perbincangan dan mendapatkan maklumat berkaitan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-ubatan Bagi LPPKN.</i> </td></tr> </tbody> </table>	BAHAGIAN	MAKLUM BALAS	<i>Bahagian Reproduksi Manusia Ibu Pejabat</i>	<i>Bahagian Reproduksi Manusia telah menghantar surat kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM untuk mengadakan perbincangan dan mendapatkan maklumat berkaitan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-ubatan Bagi LPPKN.</i>	
BAHAGIAN	MAKLUM BALAS					
<i>Bahagian Reproduksi Manusia Ibu Pejabat</i>	<i>Bahagian Reproduksi Manusia telah menghantar surat kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM untuk mengadakan perbincangan dan mendapatkan maklumat berkaitan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-ubatan Bagi LPPKN.</i>					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<i>Pejabat LPPKN Pahang</i>	<p><i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah memaklumkan kepada semua Klinik Nur Sejahtera (KNS) Pahang mengenai perkara ini. KNS Temerloh, Pejabat Pentadbiran Negeri dan daerah lain telah mengambil tindakan mengasingkan stok bekalan kontraseptif dan ubat dengan bekalan stok yang lain. Memo arahan diedarkan kepada semua klinik pada 21 Januari 2015.</i></p>	
	<p><i>Tempat penyimpanan ubat telah ditukar ke ruang tambahan, bilik doktor mutu Disember 2014 seperti gambar berikut:-</i></p> 	

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
				
	Pejabat LPPKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<p>Selepas teguran Audit, sebuah bilik telah dikhaskan untuk dijadikan sebagai tempat penyimpanan ubat secara berasingan dan tidak bercampur dengan stok barang lain. Bilik tersebut dibekalkan dengan kabinet berkunci bagi menyimpan stok ubat-ubatan. Kerja pemindahan dan pengasingan telah dilakukan bermula 27 Januari 2015.</p>		
	Pejabat LPPKN Sabah	<p>Semua ubat-ubatan yang berada di stor negeri telah dipindahkan ke Klinik Nur Sejahtera Kota Kinabalu Sabah pada 27 Januari 2015. LPPKN memutuskan bahawa pejabat negeri tidak lagi menerima dan menyimpan ubat-ubatan kerana bekalan ubat akan terus dihantar ke semua klinik. Stor pejabat negeri hanya menyimpan stok alat tulis.</p>		
3.4.2.4	Pegawai Penerima Bekalan Kontraseptif dan Ubat-ubatan Tidak Berkelayakan			
3.4.2.4.a	<p>Akta Racun 1952 (Disemak - 1989) menyatakan individu yang dilantik untuk menerima dan menguruskan stok ubat-ubatan hendaklah mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang perubatan bagi memastikan kualiti dan jenis ubat yang diterima adalah sama mengikut perjanjian.</p>			<p>Perjanjian no rujukan LPPKN/BRM/3023/15-15 untuk bekalan vaksin HPV yang disediakan pada 27 Februari 2015 telah menetapkan bahawa bekalan ubat dan vaksin akan dihantar terus ke 58 Klinik Nur Sejahtera (KNS) LPPKN yang dinamakan dalam kontrak dan tidak lagi diterima diperingkat negeri.</p>
3.4.2.4.b	<p>Semakan Audit di Ibu Pejabat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pejabat negeri di Selangor, Perak, Pahang, Sabah serta Johor mendapati hanya Pembantu Tadbir bertanggungjawab menerima dan menguruskan penyimpanan di pejabat negeri serta pengagihan bekalan ke klinik.</p>			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
	<p>Pada pendapat Audit, pengurusan stok bekalan yang diterima oleh pegawai yang tidak berkelayakan dan mempunyai kepacaran dalam bidang perubatan adalah bertentangan dengan akta dan risiko terhadap bekalan kontraseptif serta ubat-ubatan yang diterima tidak mengikut spesifikasi dan kualiti.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 dan 28 Januari 2015</p> <p><i>Surat bertarikh 13 Februari 2014 mengenai Pengurusan Dan Kawalan Bekalan Kontraseptif telah dikemukakan oleh Bahagian Reproduksi Manusia kepada semua Pengarah LPPKN Negeri. Surat peringatan bertarikh 7 Januari 2015 dikemukakan kepada semua pengarah LPPKN Negeri supaya menyerahkan tanggungjawab penerimaan bagi bekalan kontraseptif dan ubat kepada jururawat sahaja.</i></p> <p><i>Maklum balas daripada Pejabat LPPKN Negeri dan bahagian berkenaan adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="316 786 1147 1278"> <thead> <tr> <th data-bbox="316 786 496 843">BAHAGIAN</th><th data-bbox="496 786 1147 843">MAKLUM BALAS</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="316 843 496 1278">Bahagian Reproduksi Manusia Ibu Pejabat</td><td data-bbox="496 843 1147 1278"> <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Reproduksi Manusia telah menghantar surat kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM untuk mengadakan perbincangan dan mendapatkan maklumat berkaitan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-Ubatan Bagi LPPKN. • Semua kontraseptif dan ubat-ubatan hanya akan diterima oleh jururawat kerana bekalan akan dihantar terus kepada Klinik Nur Sejahtera oleh pembekal dan tidak lagi diterima di pejabat pentadbiran negeri. • Penghantaran terus ubat-ubatan ke Klinik Nur Sejahtera akan dimasukkan ke dalam kontrak perolehan ubatan-ubatan untuk perolehan yang akan datang. </td></tr> </tbody> </table>	BAHAGIAN	MAKLUM BALAS	Bahagian Reproduksi Manusia Ibu Pejabat	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Reproduksi Manusia telah menghantar surat kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM untuk mengadakan perbincangan dan mendapatkan maklumat berkaitan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-Ubatan Bagi LPPKN. • Semua kontraseptif dan ubat-ubatan hanya akan diterima oleh jururawat kerana bekalan akan dihantar terus kepada Klinik Nur Sejahtera oleh pembekal dan tidak lagi diterima di pejabat pentadbiran negeri. • Penghantaran terus ubat-ubatan ke Klinik Nur Sejahtera akan dimasukkan ke dalam kontrak perolehan ubatan-ubatan untuk perolehan yang akan datang. 	
BAHAGIAN	MAKLUM BALAS					
Bahagian Reproduksi Manusia Ibu Pejabat	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Reproduksi Manusia telah menghantar surat kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM untuk mengadakan perbincangan dan mendapatkan maklumat berkaitan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Kontraseptif dan Ubat-Ubatan Bagi LPPKN. • Semua kontraseptif dan ubat-ubatan hanya akan diterima oleh jururawat kerana bekalan akan dihantar terus kepada Klinik Nur Sejahtera oleh pembekal dan tidak lagi diterima di pejabat pentadbiran negeri. • Penghantaran terus ubat-ubatan ke Klinik Nur Sejahtera akan dimasukkan ke dalam kontrak perolehan ubatan-ubatan untuk perolehan yang akan datang. 					

Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini
	Pejabat LPPKN Pahang	<i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah mengambil tindakan dengan melantik Ketua Jururawat Klinik Nur Sejahtera Kuantan sebagai Pegawai Penerima bekalan kontraseptif dan ubat-ubatan di Negeri Pahang berkuat kuasa pada 21 Januari 2015.</i>	
3.4.3	Kekosongan Perjawatan Pegawai Perubatan		
3.4.3.1	Pengurusan sumber manusia perlu dibuat secara cekap dan teratur bagi memastikan objektif jabatan dicapai. Selain itu, pihak pengurusan juga perlu sentiasa proaktif untuk memastikan kekosongan jawatan dapat diliy dengan segera.		Tindakan pengisian bagi baki Jawatan Jururawat Gred U32 dan Gred U29 yang masih kosong telah dimulakan setelah mendapat kelulusan Ketua Pengarah (surat rujukan no. LPPKN S/02/2 Jld.4 bertarikh 29 Januari 2015). Temuduga jawatan telah ditetapkan untuk dilaksanakan pada bulan Mac 2015.
3.4.3.2	Analisis Audit mendapati pengisian jawatan secara keseluruhan adalah memuaskan iaitu 83.4%. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 24 klinik dari 6 negeri laitu WP Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Pahang, Sabah dan Johor mendapati 12 atau 70.6% kekosongan perjawatan Jururawat Gred U32 dan Gred U29 berbanding 17 yang diluluskan bagi 11 klinik. Semakan Audit juga mendapati bebanan tugas dihadapi oleh jururawat adalah berikutkan kekosongan jawatan terutamanya di klinik yang mempunyai ramai pelanggan berdasarkan kutipan hasil bagi tahun 2014.		
3.4.3.3	<p>Hasil soal selidik Audit yang dijalankan mendapati seramai 42 daripada 92 atau 45.3% kakitangan klinik yang dilawati tidak bersetuju dengan bilangan kakitangan yang ditempatkan di klinik. Ini disebabkan kekurangan kakitangan akan menjadikan beban tugas mereka bertambah. Antara sebab berlaku kekosongan adalah pegawai bertukar negeri, pencen dan berhenti. Selain itu, pihak Audit dimaklumkan perkhidmatan jururawat sambilan yang diambil kebanyakannya tertumpu kepada Program Vaksinasi HPV di klinik dan di luar klinik sahaja.</p> <p>Pada pendapat Audit, kekosongan perjawatan menyebabkan pegawai perlu melaksanakan tugas tambahan di samping tugas sedia ada. Ini boleh menjejaskan produktiviti serta kualiti kerja bagi pegawai yang terlibat.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 Januari 2015</p> <p><i>Semasa pengauditan dilaksanakan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) sedang dalam proses pengambilan lantikan baru dan</i></p>		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
	<p><i>kenaikan pangkat bagi jawatan Jururawat. Kedudukan kekosongan jawatan Jururawat di LPPKN sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">GRED</th> <th colspan="3">PERJAWATAN (Bilangan)</th> <th rowspan="2">CATATAN</th> </tr> <tr> <th>KEKOSONGAN</th> <th>PENGISIAN</th> <th>BAKI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>U32</td> <td>16</td> <td>-</td> <td>16</td> <td><i>Pada awal tahun 2014, kekosongan adalah sebanyak 22 jawatan dan sebanyak 6 jawatan telah diisi.</i></td> </tr> <tr> <td>U29</td> <td>24</td> <td>18</td> <td>7</td> <td><i>Lantikan pada bulan Oktober 2014</i></td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Bahagian PSM tidak dapat mengisi penuh jumlah kekosongan U32 ini disebabkan jawatan tersebut adalah jawatan Naik Pangkat. Calon yang layak dan memenuhi syarat kenaikan pangkat serta berjaya dalam temu duga dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan ini. LPPKN bersetuju melantik Jururawat secara sessional atau pekerja sambilan harian. Pada tahun 2014, Bahagian PSM telah meluluskan pelantikan sebanyak 164 Jururawat secara sessional.</i></p>	GRED	PERJAWATAN (Bilangan)			CATATAN	KEKOSONGAN	PENGISIAN	BAKI	U32	16	-	16	<i>Pada awal tahun 2014, kekosongan adalah sebanyak 22 jawatan dan sebanyak 6 jawatan telah diisi.</i>	U29	24	18	7	<i>Lantikan pada bulan Oktober 2014</i>	
GRED	PERJAWATAN (Bilangan)			CATATAN																
	KEKOSONGAN	PENGISIAN	BAKI																	
U32	16	-	16	<i>Pada awal tahun 2014, kekosongan adalah sebanyak 22 jawatan dan sebanyak 6 jawatan telah diisi.</i>																
U29	24	18	7	<i>Lantikan pada bulan Oktober 2014</i>																
3.4.4	Pengesahan Pendapatan Pemohon Tidak Dibuat																			
3.4.4.1	<p>Pada tahun 2012, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat meluluskan supaya ujian mamogram diberi secara percuma kepada wanita berpendapatan isi rumah RM5,000 sebulan dan ke bawah serta subsidi RM50 bagi pendapatan melebihi RM5,000. Bagi menggalakkan dan meningkatkan lagi bilangan wanita menjalani ujian mamogram, kelulusan diberi kepada wanita yang berpendapatan isi rumah RM10,000 sebulan ke bawah mulai 1 Mei sehingga 31 Disember 2014.</p>	<p>Berdasarkan maklum balas awal LPPKN kepada pihak Jabatan Audit Negara, mekanisma pengesahan pendapatan klien adalah kurang sesuai dilaksanakan kerana kebanyakan klien wanita yang terlibat sukar untuk mengemukakan dokumen sokongan pendapatan yang dinyatakan terutamanya klien wanita yang berkerja sendiri. Keutamaan adalah sambutan wanita terhadap program subsidi ujian mamogram bagi mengurangkan risiko penghidap penyakit kanser payudara dikalangan wanita. Mengikut rekod pencapaian klien wanita yang menjalani ujian mamogram pada 2013 dan 2014 adalah masing-masing 50.4% dan 83.9% berbanding sasaran.</p>																		
3.4.4.2	<p>Semakan Audit terhadap permohonan ujian mamogram di 24 buah klinik mendapati pengesahan pendapatan isi rumah pemohon tidak dibuat dengan dokumen sokongan seperti slip gaji atau borang cukai pendapatan bagi memastikan kelayakan pemohon. Semakan selanjutnya mendapati LPPKN tidak menetapkan peraturan yang mewajibkan pemohon</p>																			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengemukakan dokumen sokongan pengesahan pendapatan. Oleh itu, kelayakan pemohon untuk menerima subsidi atau perkhidmatan secara percuma tidak dapat ditentukan kerana tiada pengesahan pendapatan dibuat oleh LPPKN.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan ujian mamogram adalah kurang memuaskan kerana tidak ada mekanisme diwujudkan untuk mengesahkan sama ada pemohon layak menerima subsidi atau perkhidmatan percuma.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 Januari 2015</p> <p><i>Berdasarkan kepada kelulusan pemberian mamogram percuma dari Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak menyatakan keperluan khas kepada klien untuk membawa bersama slip gaji bagi pengesahan jumlah pendapatan klien terbabit.</i></p> <p><i>Di bawah Program Subsidi Ujian Mamogram, LPPKN meletakkan kepercayaan kepada klien di mana klien tidak perlu untuk membawa sebarang dokumen bagi pengesahan jumlah pendapatan isi rumah. Ini bertujuan untuk:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Memudahkan serta menggalakkan wanita menjalani ujian saringan pencegahan kanser payudara. Walaupun pemeriksaan ujian mamogram ini adalah secara percuma, tidak ramai wanita tampil bagi menjalani ujian ini.</i> ii. <i>Memudahkan pendaftaran dan rujukan klien menjalani ujian mamogram terutamanya semasa Program Khidmat Masyarakat.</i> iii. <i>Mengurangkan karenah birokrasi dalam pemberian subsidi.</i> iv. <i>Terdapat ruangan pengesahan yang disediakan menerusi Sistem e-mamogram dan borang permohonan subsidi ujian yang memerlukan pengesahan butiran yang diberikan adalah benar dan tepat.</i> 	

Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini					
3.4.5.1	Aset Tidak Digunakan							
3.4.5.1.a	Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan 1PP 2014 menyatakan setiap aset yang diperoleh hendaklah digunakan secara optimum dan disenggarakan dengan baik bagi memastikan tiada pembaziran berlaku.		1 unit katil pesakit KNS Temerloh Pahang sedang diambil tindakan untuk dilupuskan oleh Unit Pengurusan Aset Ibu Pejabat LPPKN dan dijangka selesai pada akhir Mei 2015.					
3.4.5.1.b	<p>Lawatan fizikal Audit ke 7 klinik mendapati 10 unit aset bernilai RM30,275 tidak digunakan sejak diperoleh di antara tahun 2003 sehingga 2013 kerana aset sedia ada mencukupi dan boleh digunakan serta tiada keperluan untuk perolehan aset baru. Ini menyebabkan pembaziran kerana aset tersebut tidak digunakan dan tempoh jaminan pembekal telah tamat.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPPKN tidak mempunyai perancangan yang rapi terhadap penggunaan dan penggunaan aset yang telah diperoleh berjumlah RM30,275 bagi mengelakkan pembaziran.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 dan 28 Januari 2015</p> <p><i>Surat peringatan telah dikemukakan kepada pengarah LPPKN negeri yang berkenaan supaya mengenal pasti penggunaan dan menguruskan aset tersebut mengikut Tatacara Pengurusan Aset. Tindakan memindahkan aset akan dilakukan dengan segera sekiranya maklum balas mendapati aset tersebut tidak diperlukan di klinik yang berkenaan.</i></p> <p><i>Maklum balas daripada Klinik Nur Sejahtera (KNS) berkenaan adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>KNS</th> <th>ASET</th> <th>MAKLUM BALAS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Temerloh Pahang</td> <td>Katil Pesakit</td> <td><i>KNS Temerloh telah mempunyai katil pesakit yang diterima pada tahun 2003 dan ditempatkan di bilik rawatan. Katil yang diterima pada tahun 2008 ini tidak digunakan berikutan ruang bilik rawatan yang terhad. Pejabat Pentadbiran Negeri membuat permohonan supaya katil pesakit tahun 2003 dilupuskan dan katil pesakit tahun 2008 digunakan.</i></td> </tr> </tbody> </table>	KNS	ASET	MAKLUM BALAS	Temerloh Pahang	Katil Pesakit	<i>KNS Temerloh telah mempunyai katil pesakit yang diterima pada tahun 2003 dan ditempatkan di bilik rawatan. Katil yang diterima pada tahun 2008 ini tidak digunakan berikutan ruang bilik rawatan yang terhad. Pejabat Pentadbiran Negeri membuat permohonan supaya katil pesakit tahun 2003 dilupuskan dan katil pesakit tahun 2008 digunakan.</i>	<p>1 unit Examination Light KNS WPKL telah dipindahkan ke Mini UTC Keramat Mall pada 9 Mac 2015 dan telah digunakan serta merta.</p> <p>1 unit Katil Pesakit KNS Kepong telah diputuskan untuk kegunaan Pusat Transit Remaja Kafe@TEEN Presint 16 Putrajaya setelah proses perolehan dan kerja ubahsuai siap dilaksanakan.</p>
KNS	ASET	MAKLUM BALAS						
Temerloh Pahang	Katil Pesakit	<i>KNS Temerloh telah mempunyai katil pesakit yang diterima pada tahun 2003 dan ditempatkan di bilik rawatan. Katil yang diterima pada tahun 2008 ini tidak digunakan berikutan ruang bilik rawatan yang terhad. Pejabat Pentadbiran Negeri membuat permohonan supaya katil pesakit tahun 2003 dilupuskan dan katil pesakit tahun 2008 digunakan.</i>						

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
	Raub Pahang	Cool Box HPV	<i>Cool Box HPV telah mula digunakan pada Januari 2015 untuk program vaksinasi suntikan HPV kepada pelajar-pelajar pada tahun ini.</i>	
	Ampang Selangor	Examination Light (2 unit)	<i>2 unit aset ini masih digunakan di Klinik Ampang.</i>	
	Kepong WPKL	Katil Pesakit	<i>Katil ini dalam proses dipindahkan untuk kegunaan di Mini UTC Keramat Mall bagi perkhidmatan kesihatan remaja.</i>	
	Sg. Besi WPKL	Penimbang Berat	<i>Penimbang manual ini sedang digunakan oleh petugas klinik untuk program outreach dari semasa ke semasa.</i>	
	Ibu Pejabat WPKL	Penimbang Berat	<i>Alat ini sedang digunakan untuk program mobile CTC sejak program ini dilaksanakan pada awal tahun 2014.</i>	
		Examination Light	<i>Alat ini sedang dalam proses untuk pemindahan bagi kegunaan Mini UTC Keramat Mall untuk keperluan perkhidmatan kesihatan remaja. Pembekalan alat ini tidak dihantar segera ke Mini UTC Keramat Mall kerana fasa pembinaan dan pengubahsuaian yang belum siap sepenuhnya. Pejabat LPPKN WPKL sedang membekalkan beberapa peralatan termasuk alatan ini untuk operasi Pusat Transit Remaja Kafe@TEEN sepenuhnya.</i>	
	Pontian Johor	Projector Screen	<i>Pemeriksaan terhadap aset ini mendapati ia masih baik dan boleh digunakan. Aset ini telah dipasangkan di Bilik Seminar KNS Pontian. Pendawaian punca kuasa skrin dan pemasangan screen pada dinding telah dilakukan melalui pada 25 Januari 2015.</i>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
3.4.5.2	<p>Aset Yang Rosak Tidak Diambil Tindakan</p> <p>3.4.5.2.a</p> <p>Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan 1PP 2014 menyatakan tindakan pemberian hendaklah diambil segera ke atas aset yang rosak untuk memastikan aset dapat berfungsi semula mengikut piawaian yang ditetapkan. Pelupusan perlu dibuat berdasarkan syor dari Pegawai Pemeriksa mengikut kaedah yang bersesuaian.</p>							
3.4.5.2.b	<p>Lawatan Audit ke 10 klinik mendapat 21 aset bernilai RM173,485 tidak diambil tindakan pemberian atau pelupusan oleh Unit Aset, Pejabat LPPKN Negeri walaupun aduan kerosakan telah dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan Pejabat LPPKN Negeri mengambil tindakan pemberian dengan segera menyebabkan aset tersebut menjadi usang. Selain itu, klinik terpaksa meminjam peralatan dari hospital yang berhampiran apabila klinik mengalami kekurangan peralatan klinikal.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 dan 28 Januari 2015</p> <p><i>Surat kepada Pejabat LPPKN Negeri bagi melaksanakan pemberian atau pelupusan seperti syor dari Jabatan Audit Negara telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat LPPKN pada 9 Januari 2015. LPPKN Negeri hendaklah memaklumkan tindakan susulan kepada Unit Pembangunan dan Pengurusan Aset, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Ibu Pejabat LPPKN dan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan.</i></p> <p><i>Maklum balas daripada Klinik Nur Sejahtera (KNS) berkenaan adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="325 1135 1140 1389"> <thead> <tr> <th data-bbox="325 1135 563 1192">KNS</th><th data-bbox="563 1135 736 1192">ASET</th><th data-bbox="736 1135 1140 1192">MAKLUM BALAS</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="325 1192 563 1389"><i>Bentong Pahang</i></td><td data-bbox="563 1192 736 1389"><i>Komputer HP Compaq</i></td><td data-bbox="736 1192 1140 1389"><i>KNS Bentong telah menyemak dengan Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat dan mendapat kebenaran untuk memohon pelupusan bagi CPU dan keyboard Komputer HP Compaq kerana telah rosak manakala</i></td></tr> </tbody> </table>	KNS	ASET	MAKLUM BALAS	<i>Bentong Pahang</i>	<i>Komputer HP Compaq</i>	<i>KNS Bentong telah menyemak dengan Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat dan mendapat kebenaran untuk memohon pelupusan bagi CPU dan keyboard Komputer HP Compaq kerana telah rosak manakala</i>	<p>Tindakan pelupusan masing-masing 1 unit computer di KNS Bentong, <i>Air Cond Acson, Printer, Sterilizer</i> dan TV JVC di KNS Sg. Besi, <i>Autoclave</i> di KNS Shah Alam, Autoclave dan mesin penyulingan air di KNS Ipoh Perak, Ultrasound KNS Taiping, <i>Sugical Waist LeveL</i> dan Penimbang Berat di KNS Kluang Johor, penimbang berat di KNS Pontian Johor, penimbang berat di KNS Kota Kinabalu dan peti sejuk KNS Ipoh sedang diproses oleh Unit Pengurusan Aset dan dijangka selesai sehingga akhir Mei 2015.</p> <p>Mesin <i>Autoclave</i> Klinik Nur Sejahtera Selayang Selangor telah disenggara oleh Syarikat LabEquip Services & Repair pada 16 Februari 2015 dan telah digunakan.</p> <p>Autoclave di KNS Taiping Perak telah dibaiki pada Februari 2015 dan digunakan serta merta.</p>
KNS	ASET	MAKLUM BALAS						
<i>Bentong Pahang</i>	<i>Komputer HP Compaq</i>	<i>KNS Bentong telah menyemak dengan Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat dan mendapat kebenaran untuk memohon pelupusan bagi CPU dan keyboard Komputer HP Compaq kerana telah rosak manakala</i>						

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
<i>Sungai Besi K.Lumpur</i>			<i>monitor komputer masih digunakan.</i>	
		<i>Ultrasound</i>	<i>Syarikat IDS Medical System telah membuat pemeriksaan pada 27 Januari 2015. Mesin ini dilaporkan baik dan masih boleh digunakan.</i>	
		<i>Air Cond Acson Printer Sterilizer TV JVC</i>	<i>Telah memohon untuk tindakan pelupusan pada 27 Januari 2015.</i>	
	<i>Shah Alam Selangor</i>	<i>Autoclave</i>	<i>Tidak ekonomik untuk dibaiki dan kos adalah sangat mahal dan telah memohon untuk tindakan pelupusan pada 2 Januari 2015.</i>	
		<i>Mesin Tekanan Darah</i>	<i>Kesemua mesin pemeriksaan tekanan darah telah dibaiki pada 29 Disember 2014 dan masih dalam keadaan baik.</i>	
	<i>Selayang Selangor</i>	<i>Autoclave</i>	<i>Telah memohon untuk disenggarakan dan masih menunggu tarikh lawatan penyelenggaraan autoclave oleh Syarikat Rys Biomedic Sdn. Berhad. Mesin akan disenggara oleh syarikat tersebut pada 13 Februari 2015.</i>	
	<i>Ipoh Perak</i>	<i>Peti Sejuk Makmal</i>	<i>Pembekal Ismadil Enterprise telah membuat pemeriksaan 13 Januari 2015 dan mendapat ada kelonggaran pada salah satu geganti arus (relay). Sekiranya dalam masa tempoh 5 hari masih tidak sejuk, perlu untuk tambah gas dan tukar relay.</i>	
		<ul style="list-style-type: none">• Autoclave• Mesin Penyulingan Air	<i>Surat permohonan pelupusan bertarikh 2 Januari 2015 telah dihantar kepada JKR Cawangan Mekanikal.</i>	

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
<p style="text-align: center;"><i>Taiping Perak</i></p>		<p style="text-align: center;"><i>Ultrasound</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat permohonan pemeriksaan bagi tujuan pelupusan telah dihantar pada 1 Julai 2014 kepada pihak JKR oleh Pejabat LPPKN Negeri. Susulan telah dibuat dengan Juruteknik JKR memaklumkan bahawa akan menghubungi semula untuk menetapkan tarikh pemeriksaan.</i> • <i>Pemeriksaan oleh Juruteknik JKR dibuat pada Disember 2014.</i> • <i>Pihak JKR sekali lagi telah membuat pemeriksaan pada 15 Januari 2015 dan sijil PEP telah dikeluarkan pada 21 Januari 2015.</i> <p style="text-align: center;"><i>Autoclave</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>24 Disember 2014 – Permohonan pemeriksaan terhadap kedudukan jarum pada alat pengukur tekanan pada mesin autoclave telah dihantar ke Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (KPK).</i> • <i>13 Januari 2015 – Bahagian KPK telah meluluskan permohonan pemeriksaan terhadap kedudukan jarum pada alat pengukur tekanan pada mesin autoclave.</i> 		

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
	Kluang Johor	<ul style="list-style-type: none"> • Surgical Waist Level • Weighing scale 	<p>Permohonan bagi melaksanakan pelupusan telah diterima oleh Pejabat LPPKN Negeri Johor dan pihak kami dalam proses memanggil syarikat pelupusan bagi melaksanakan proses pelupusan (Surat Bil (7) LPPKN/03/4/3). Surat kepada JKR untuk sijil PEP adalah Bil.(43) LPPKN/J/03/1 Jld.V bertarikh 25 Januari 2015.</p>	
	Pontian Johor	Penimbang Berat	<p>Permohonan bagi melaksanakan pelupusan telah diterima oleh Pejabat LPPKN Negeri Johor dan pihak kami dalam proses memanggil syarikat pelupusan bagi melaksanakan proses pelupusan. (Surat Bil (7) LPPKN/03/4/3). Surat kepada JKR untuk sijil PEP adalah Bil.(43) LPPKN/J/03/1 Jld.V bertarikh 25 Januari 2015.</p>	
	Batu Pahat Johor	Examination Light	<p>Telah memanggil sebut harga bagi pembaikan (telah dihantar untuk pemeriksaan). (Surat Bil (7) LPPKN/03/4/3). Alatan telah dihantar untuk pembaikan dan telah digunakan pada 29 Januari 2015.</p>	
		Penimbang berat	<p>Bateri lemah dan telah diganti dengan yang baru.(Surat Bil (7) LPPKN/03/4/3). Mesin dalam keadaan baik dan digunakan pada 20 Januari 2015.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
	<p>Kota Kinabalu Sabah</p>	<p>Weight Scale</p>	<p>LPPKN Sabah telah memproses permohonan pelupusan bagi aset ini dengan tindakan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan surat kepada JKR pada 21 Januari 2015. • Menyediakan Borang KEW.PA-18 untuk tindakan JKR. • Lembaga Pemeriksa Aset Alih Kerajaan LPPKN Negeri Sabah yang dilantik akan menyediakan Borang KEW.PA-17 selepas menerima laporan dari JKR. 	
<p>3.4.5.3</p> <p>Perakuan Kelayakan Mesin Autoclave Telah Tamat Tempoh</p> <p>3.4.5.3.a</p>	<p>Peraturan 10(2) iaitu Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan, Akta Kilang Jentera 1970 menyatakan setiap mesin <i>autoclave</i> hendaklah mempunyai perakuan kelayakan dan diperbaharui jika telah tamat tempoh. Ini bagi memastikan mesin tersebut boleh beroperasi dan berada dalam keadaan baik serta tidak membahayakan.</p>	<p>Mesin <i>Autoclave</i> KNS Shah Alam dan KNS Selayang Selangor telah disenggara oleh Syarikat LabEquip Services & Repair masing-masing pada 13 dan 16 Februari 2015. Pihak JKKP telah melakukan pemeriksaan pada 26 Februari 2015 untuk Mesin <i>Autoclave</i> KNS Shah Alam. Namun sijil JKKP belum diperolehi.</p> <p>Mesin <i>Autoclave</i> di KNS Kuala Kangsar Perak, KNS Ampang dan KNS Klang Selangor masih menunggu sijil perakuan kelayakan dari pihak JKKP.</p> <p>LPPKN telah mengeluarkan surat susulan kepada JKKP pada 9 Mac 2015 untuk mengetahui kedudukan Sijil Perakuan Kelayakan bagi mesin <i>autoclave</i> di atas yang belum diterima oleh LPPKN.</p>		
	<p>Lawatan Audit ke 8 klinik mendapati Sijil Perakuan Kelayakan bagi 8 mesin <i>autoclave</i> bernilai RM125,400 yang masih digunakan telah tamat tempoh antara 3 hingga 100 bulan. Ini disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak memeriksa tempoh tamat Sijil Perakuan Kelayakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan LPPKN memperbaharui Sijil Perakuan Kelayakan boleh menyebabkan LPPKN dikenakan tindakan undang-undang kerana membahayakan keselamatan pengguna.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 dan 28 Januari 2015</p> <p><i>Standard Operating Procedures Peralatan telah dikeluarkan bersama peralatan sewaktu pengagihan. Surat peringatan bertarikh 7 Januari 2015 dikemukakan kepada semua pengarah LPPKN Negeri bagi memastikan peraturan sentiasa dipatuhi.</i></p>			

Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini											
	<p><i>Maklum balas daripada Klinik Nur Sejahtera (KNS) berkenaan adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="316 338 1140 1372"> <thead> <tr> <th data-bbox="316 338 473 393">KNS</th><th data-bbox="473 338 1140 393">MAKLUM BALAS</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="316 393 473 655"><i>Raub Pahang</i></td><td data-bbox="473 393 1140 655"> <p><i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah menghantar surat permohonan kepada Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja (JKKP) Negeri Pahang pada 9 September 2014 bagi pemeriksaan ulangan mesin autoclave di semua KNS Negeri Pahang. JKKP telah memeriksa semua mesin autoclave di semua klinik berkenaan kecuali KNS Raub. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pentadbiran Negeri sedang dalam tindakan memohon semula untuk pemeriksaan autoclave dengan JKKP di KNS Raub.</i></p> </td></tr> <tr> <td data-bbox="316 655 473 941"><i>Nusa Jaya Johor</i></td><td data-bbox="473 655 1140 941"> <p><i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah mendapatkan sebut harga untuk penyelenggaraan pada 15 Ogos 2013 tetapi Moyee Jaya (M) Sdn. Berhad gagal memberikan perkhidmatan. Bahagian Reproduksi Manusia (BRM) Ibu pejabat juga telah mengemukakan senarai syarikat bagi penyenggaraan peralatan perubatan pada 21 April 2014 untuk rujukan pejabat LPPKN Johor. Pejabat LPPKN Johor juga sedang berurusan dengan pihak SRIM bagi penyenggaraan alatan tersebut.</i></p> </td></tr> <tr> <td data-bbox="316 941 473 1029"><i>Selayang Selangor</i></td><td data-bbox="473 941 1140 1029"> <p><i>Penyenggaraan autoclave akan dilakukan oleh syarikat Rys Biomed Sdn. Berhad pada 13 Februari 2015.</i></p> </td></tr> <tr> <td data-bbox="316 1029 473 1259"><i>Kuala Kangsar Perak</i></td><td data-bbox="473 1029 1140 1259"> <p><i>Penyenggaraan autoclave telah dilakukan oleh pembekal yang dilantik iaitu RYS Biomed Sdn. Berhad pada 10 November 2014. JKKP telah membuat pemeriksaan pada 15 Disember 2014. Bagaimanapun, sijil yang baru belum dikeluarkan oleh JKKP sehingga tarikh lawatan Audit. LPPKN Perak telah menghubungi JKKP dan akan menerima sijil dalam masa terdekat.</i></p> </td></tr> <tr> <td data-bbox="316 1259 473 1372"><i>Shah Alam Selangor</i></td><td data-bbox="473 1259 1140 1372"> <p><i>RYS Biomed Sdn. Berhad telah memaklumkan bahawa tarikh penyenggaraan mesin autoclave adalah pada 5 Januari 2015 dan tarikh pemeriksaan JKKP akan ditetapkan setelah penyenggaraan siap dilakukan.</i></p> </td></tr> </tbody> </table>	KNS	MAKLUM BALAS	<i>Raub Pahang</i>	<p><i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah menghantar surat permohonan kepada Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja (JKKP) Negeri Pahang pada 9 September 2014 bagi pemeriksaan ulangan mesin autoclave di semua KNS Negeri Pahang. JKKP telah memeriksa semua mesin autoclave di semua klinik berkenaan kecuali KNS Raub. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pentadbiran Negeri sedang dalam tindakan memohon semula untuk pemeriksaan autoclave dengan JKKP di KNS Raub.</i></p>	<i>Nusa Jaya Johor</i>	<p><i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah mendapatkan sebut harga untuk penyelenggaraan pada 15 Ogos 2013 tetapi Moyee Jaya (M) Sdn. Berhad gagal memberikan perkhidmatan. Bahagian Reproduksi Manusia (BRM) Ibu pejabat juga telah mengemukakan senarai syarikat bagi penyenggaraan peralatan perubatan pada 21 April 2014 untuk rujukan pejabat LPPKN Johor. Pejabat LPPKN Johor juga sedang berurusan dengan pihak SRIM bagi penyenggaraan alatan tersebut.</i></p>	<i>Selayang Selangor</i>	<p><i>Penyenggaraan autoclave akan dilakukan oleh syarikat Rys Biomed Sdn. Berhad pada 13 Februari 2015.</i></p>	<i>Kuala Kangsar Perak</i>	<p><i>Penyenggaraan autoclave telah dilakukan oleh pembekal yang dilantik iaitu RYS Biomed Sdn. Berhad pada 10 November 2014. JKKP telah membuat pemeriksaan pada 15 Disember 2014. Bagaimanapun, sijil yang baru belum dikeluarkan oleh JKKP sehingga tarikh lawatan Audit. LPPKN Perak telah menghubungi JKKP dan akan menerima sijil dalam masa terdekat.</i></p>	<i>Shah Alam Selangor</i>	<p><i>RYS Biomed Sdn. Berhad telah memaklumkan bahawa tarikh penyenggaraan mesin autoclave adalah pada 5 Januari 2015 dan tarikh pemeriksaan JKKP akan ditetapkan setelah penyenggaraan siap dilakukan.</i></p>	
KNS	MAKLUM BALAS													
<i>Raub Pahang</i>	<p><i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah menghantar surat permohonan kepada Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja (JKKP) Negeri Pahang pada 9 September 2014 bagi pemeriksaan ulangan mesin autoclave di semua KNS Negeri Pahang. JKKP telah memeriksa semua mesin autoclave di semua klinik berkenaan kecuali KNS Raub. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pentadbiran Negeri sedang dalam tindakan memohon semula untuk pemeriksaan autoclave dengan JKKP di KNS Raub.</i></p>													
<i>Nusa Jaya Johor</i>	<p><i>Pejabat Pentadbiran Negeri telah mendapatkan sebut harga untuk penyelenggaraan pada 15 Ogos 2013 tetapi Moyee Jaya (M) Sdn. Berhad gagal memberikan perkhidmatan. Bahagian Reproduksi Manusia (BRM) Ibu pejabat juga telah mengemukakan senarai syarikat bagi penyenggaraan peralatan perubatan pada 21 April 2014 untuk rujukan pejabat LPPKN Johor. Pejabat LPPKN Johor juga sedang berurusan dengan pihak SRIM bagi penyenggaraan alatan tersebut.</i></p>													
<i>Selayang Selangor</i>	<p><i>Penyenggaraan autoclave akan dilakukan oleh syarikat Rys Biomed Sdn. Berhad pada 13 Februari 2015.</i></p>													
<i>Kuala Kangsar Perak</i>	<p><i>Penyenggaraan autoclave telah dilakukan oleh pembekal yang dilantik iaitu RYS Biomed Sdn. Berhad pada 10 November 2014. JKKP telah membuat pemeriksaan pada 15 Disember 2014. Bagaimanapun, sijil yang baru belum dikeluarkan oleh JKKP sehingga tarikh lawatan Audit. LPPKN Perak telah menghubungi JKKP dan akan menerima sijil dalam masa terdekat.</i></p>													
<i>Shah Alam Selangor</i>	<p><i>RYS Biomed Sdn. Berhad telah memaklumkan bahawa tarikh penyenggaraan mesin autoclave adalah pada 5 Januari 2015 dan tarikh pemeriksaan JKKP akan ditetapkan setelah penyenggaraan siap dilakukan.</i></p>													

Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini
	Ampang Selangor	Mesin autoclave telah disenggara oleh RYS Biomed Sdn. Berhad pada 29 September 2014. Bagaimanapun, sijil kelayakan mesin autoclave masih belum diterima dari JKKP. Sijil ini diuruskan oleh syarikat pembekal dan akan dimaklumkan kepada Pejabat LPPKN Selangor dalam tempoh terdekat.	
	Klang Selangor	Mesin autoclave telah disenggara oleh RYS Biomed Sdn. Berhad pada 29 September 2014. Bagaimanapun, sijil kelayakan mesin autoclave masih belum diterima dari JKKP. Sijil ini diuruskan oleh syarikat pembekal dan akan dimaklumkan kepada Pejabat LPPKN Selangor dalam tempoh terdekat.	
	Sg Besi WPKL	Mesin autoclave WP PMD 154 telah disenggara oleh RYS Biomed Sdn. Berhad dan JKKP pada 3 November 2014 dan Sijil Perakuan Kelayakan Dangdang Stim telah dikeluarkan pada 5 Januari 2015 dan tamat pada 2 Februari 2016. Sijil ini telah diterima oleh Pejabat LPPKN WP Kuala Lumpur pada 12 Januari 2015.	
3.4.6	Soal Selidik Perkhidmatan Klinik Nur Sejahtera		
3.4.6.1	Satu soal selidik telah dibuat bagi mendapatkan maklum balas daripada orang awam berkenaan dengan perkhidmatan Klinik Nur Sejahtera. Soal selidik merangkumi beberapa bahagian berkaitan pengetahuan responden berkaitan perkhidmatan Klinik Nur Sejahtera, masalah yang dihadapi semasa mendapatkan perkhidmatan dan tahap kepuasan perkhidmatan yang telah diterima.		
3.4.6.2	Seramai 212 responden yang terdiri daripada pelajar universiti dan individu yang bekerja di sektor awam dan swasta telah memberikan maklum balas berkenaan soal selidik tersebut. Analisis Audit mendapat 39 responden atau 95% daripada 42 yang pernah mendapatkan perkhidmatan di Klinik Nur Sejahtera berpuas hati dengan perkhidmatan yang diterima. Selain itu, hasil soal selidik juga mendapat 118 responden atau 55.7% daripada 212 tidak mengetahui mengenai perkhidmatan yang disediakan. Pada pendapat Audit, pewujudan Klinik Nur Sejahtera masih belum diketahui umum sepenuhnya berdasarkan maklum balas terhadap soal		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																												
	<p>selidik yang dijalankan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 Januari 2015</p> <p><i>Perkhidmatan yang ditawarkan oleh klinik Nur Sejahtera adalah tertumpu kepada kumpulan sasar yang telah berkahwin kerana perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan kesihatan reproduktif termasuk perancang keluarga. Pelbagai kaedah promosi telah dilaksanakan oleh LPPKN termasuk hebahan melalui media massa dan program turun padang seperti penyertaan pameran di seluruh negara. Berikut adalah laporan kekerapan aktiviti promosi melalui media massa dan pameran yang dijalankan bagi tahun 2013 dan 2014 bagi LPPKN secara keseluruhannya:-</i></p> <table border="1" data-bbox="325 635 1123 817"> <thead> <tr> <th data-bbox="325 635 534 693">TAHUN</th><th data-bbox="534 635 743 693">LPPKN</th><th data-bbox="743 635 952 693">PERKHIDMATAN KLINIKAL</th><th data-bbox="952 635 1123 693">PAMERAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="325 693 534 736">2013</td><td data-bbox="534 693 743 736">285</td><td data-bbox="743 693 952 736">71</td><td data-bbox="952 693 1123 736">268</td></tr> <tr> <td data-bbox="325 736 534 779">2014</td><td data-bbox="534 736 743 779">519</td><td data-bbox="743 736 952 779">102</td><td data-bbox="952 736 1123 779">256</td></tr> <tr> <td data-bbox="325 779 534 817">JUMLAH</td><td data-bbox="534 779 743 817">804</td><td data-bbox="743 779 952 817">173</td><td data-bbox="952 779 1123 817">524</td></tr> </tbody> </table> <p><i>Bagaimanapun bilangan klien yang telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2010 dan 2011 seperti jadual berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="460 976 999 1278"> <thead> <tr> <th data-bbox="460 976 691 1067">TAHUN</th><th data-bbox="691 976 999 1067">KLIEN KLINIKAL (Bilangan)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="460 1067 691 1108">2010</td><td data-bbox="691 1067 999 1108">170,737</td></tr> <tr> <td data-bbox="460 1108 691 1149">2011</td><td data-bbox="691 1108 999 1149">180,178</td></tr> <tr> <td data-bbox="460 1149 691 1191">2012</td><td data-bbox="691 1149 999 1191">263,555</td></tr> <tr> <td data-bbox="460 1191 691 1232">2013</td><td data-bbox="691 1191 999 1232">224,255</td></tr> <tr> <td data-bbox="460 1232 691 1278">2014</td><td data-bbox="691 1232 999 1278">235,885</td></tr> </tbody> </table>	TAHUN	LPPKN	PERKHIDMATAN KLINIKAL	PAMERAN	2013	285	71	268	2014	519	102	256	JUMLAH	804	173	524	TAHUN	KLIEN KLINIKAL (Bilangan)	2010	170,737	2011	180,178	2012	263,555	2013	224,255	2014	235,885	
TAHUN	LPPKN	PERKHIDMATAN KLINIKAL	PAMERAN																											
2013	285	71	268																											
2014	519	102	256																											
JUMLAH	804	173	524																											
TAHUN	KLIEN KLINIKAL (Bilangan)																													
2010	170,737																													
2011	180,178																													
2012	263,555																													
2013	224,255																													
2014	235,885																													

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.7	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengurusan dan perkhidmatan klinik dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya kelemahan dan masalah di peringkat awal dikenal pasti dan pembetulan dibuat dengan segera.</p>	<p>Pihak LPPKN telah membuat panggilan telefon terhadap penerima subsidi ujian Mamogram yang terpilih secara rawak pada 11 Februari 2015 dan mendapat tuntutan yang dibuat oleh pusat Mamogram yang berkenaan adalah tepat dan betul.</p>
3.4.7.1	<p>Peringkat Klinik Nur Sejahtera</p> <p>Sub Unit Pemantauan dan Penyelarasian, Bahagian Reproduksi Manusia, Ibu Pejabat LPPKN bertanggungjawab memantau pengurusan Klinik Nur Sejahtera. Perkara yang diberi perhatian ialah mengenai bekalan dan stor ubat, peralatan perubatan, bangunan dan susun atur klinik, <i>Top Loading HPV</i> serta pelupusan barang. Semakan Audit mendapati pemeriksaan secara berkala ada dilakukan di Klinik Nur Sejahtera. Laporan pemeriksaan disediakan dan dikemukakan kepada pengarah negeri dan klinik yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan.</p>	
3.4.7.2.a	<p>Peringkat Pusat Mamogram Swasta</p> <p>LPPKN telah membangunkan Sistem Pengurusan Subsidi Mamogram bagi melicinkan pengurusan program seperti pengurusan klien di klinik, semakan senarai tuntutan dan laporan bulanan oleh Ibu Pejabat serta penghantaran tuntutan bayaran oleh 53 Pusat Mamogram Swasta. Pusat Mamogram Swasta diberikan Nama Pengguna dan Kata Laluan untuk mendaftar masuk sebagai pengguna. Temu janji pemohon berserta keputusan ujian mamogram dan <i>ultrasound</i> turut direkodkan ke dalam sistem ini.</p>	
3.4.7.2.b	<p>Semakan Audit terhadap tuntutan bayaran oleh Pusat Mamogram Swasta mendapati senarai tuntutan dan laporan bulanan yang dikemukakan ada disemak oleh pegawai bertanggungjawab sebelum bayaran dibuat selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, tiada lawatan dan pemeriksaan berkala terhadap rekod bantuan subsidi ujian mamogram dilaksanakan di Pusat Mamogram Swasta bagi mengesahkan bahawa tuntutan yang dibuat adalah bertepatan dengan perkhidmatan sebenar yang diberikan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan LPPKN terhadap tuntutan adalah tidak menyeluruh kerana tiada lawatan dan tiada pemeriksaan rekod secara berkala di Pusat Mamogram Swasta dilaksanakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 Januari 2015</p> <p><i>Semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan Pusat Mamogram Swasta terhadap klien yang telah mendapatkan perkhidmatan ujian mamogram dikemukakan kepada LPPKN. LPPKN akan memadankan tuntutan yang dikemukakan dengan data maklumat klien dalam Sistem eMamogram sebelum dikemukakan ke Unit Kewangan untuk bayaran. Pasukan Pemantau akan mengadakan pemantauan secara rawak melalui telefon untuk mengesahkan kesahihan klien berdasarkan tuntutan yang dibuat oleh Pusat Mamogram Swasta.</i></p>	
3.4.7.3	<p>Program Vaksinasi HPV</p> <p>3.4.7.3.a Sistem Daftar PVHPV telah dibangunkan pada tahun 2012 bagi memantau status penerima vaksinasi HPV. Sistem ini membolehkan anggota pelaksana di Klinik Nur Sejahtera atau Pusat Kesihatan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memuat naik maklumat peribadi dan status penerima dos vaksinasi HPV secara <i>online</i>.</p>	<p>Bhg. BRM telah mengeluarkan surat pada 26 Februari 2015 yang mengarahkan supaya semua Pusat Operasi Program Vaksinasi HPV termasuk Pusat Operasi di IPT supaya memasukkan data klien HPV dengan menggunakan sistem HPV tanpa gagal. Pemantauan akan dilakukan secara berkala bagi tempoh setiap suku tahun bagi memastikan semua pusat operasi HPV telah memasukkan data klien penerima suntikan HPV ke dalam sistem dengan betul.</p>
3.4.7.3.b	<p>Semakan Audit mendapati sistem ini tidak boleh menjana maklumat yang tepat berkaitan peserta program yang lengkap diberi Vaksinasi HPV iaitu 3 dos dalam tempoh 6 bulan kerana jenis laporan berkaitan tidak dibangunkan dalam modul pelaporan. Modul laporan yang disediakan hanya bertujuan memantau penggunaan stok vaksin. Ini mengakibatkan Bahagian Reproduksi Manusia terpaksa menyelenggara rekod secara manual.</p>	
3.4.7.3.c	<p>Selain itu, maklumat penerima Vaksinasi HPV bagi tahun 2012 masih belum dikunci masuk sepenuhnya oleh Klinik Nur Sejahtera dan Pusat Kesihatan IPTA dalam sistem berikutan kehilangan data ketika ia dinaik taraf pada bulan Julai 2013. Ini mengakibatkan kakitangan Klinik Nur Sejahtera perlu mendapatkan pengesahan semula daripada peserta program dan klinik berkaitan sama ada peserta telah diberikan Vaksinasi HPV atau sebaliknya.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan prestasi Program Vaksinasi HPV melalui Sistem Daftar PVHPV tidak berkesan kerana sistem tersebut tidak berupaya menjana laporan yang diperlukan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPPKN Diterima Pada 14 Januari 2015</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Secara keseluruhannya, Sistem PVHPV adalah stabil dan boleh digunakan untuk kemasukan data serta penjanaan laporan. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu dikenas kini untuk memantapkan sistem iaitu daripada aspek penggunaan dan juga ketepatan data. Oleh yang demikian, Sistem PVHPV sentiasa dipantau dan proses penambahbaikan dilaksanakan untuk memantapkan sistem agar berfungsi dengan baik.</p> <p>Mesyuarat pemantauan Sistem PVHPV juga diadakan secara berkala untuk membincang pelaksanaan sistem serta mengenal pasti isu yang timbul. Di samping itu, semua sistem dan aplikasi ICT di LPPKN termasuk Sistem PVHPV dipantau oleh pihak pengurusan LPPKN melalui Jawatankuasa Penyelarasan ICT LPPKN dan Jawatankuasa Permandu ICT LPPKN. Pihak BTM juga memantau penggunaan sistem oleh pengguna klinikal di semua lokasi.</p> <p>Perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit mengenai Sistem PVHPV yang kurang stabil berpunca daripada beberapa isu. Isu –isu yang telah dikenal pasti adalah disebabkan data yang dimasukkan ke dalam sistem adalah tidak tepat dan sistem perlu ditambah baik untuk memastikan semua data telah diambil kira dalam penjanaan laporan. Selain dari itu, terdapat juga beberapa pengguna klinikal yang tidak menggunakan sistem secara menyeluruh dan tidak memasukkan data ke dalam sistem.</p>	

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014**

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PERBADANAN PUTRAJAYA

Perenggan 4 : Pengurusan Perolehan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.1.1	<p>Perolehan Acara Putrajaya <i>International Islamic Art And Culture Festival</i> 2013 Tidak Mematuhi Peraturan</p> <p>PPj telah menganjurkan Acara Putrajaya <i>International Islamic Arts And Culture Festival</i> (PIIACUF) 2013 mulai 1 hingga 10 November 2013. Program ini bertujuan untuk menjadikan Putrajaya sebagai pusat kegembiraan kesenian dan kebudayaan alaf baru, platform kepada penggiat seni dan pemikir kreatif Islam berkumpul untuk bertukar fikiran dan mengerakkan jalinan dan kerjasama.</p>	<p>Mesyuarat Anggota Perbadanan yang bersidang pada 27 Februari 2015, telah meluluskan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi perolehan yang menggunakan sumber dalaman Perbadanan.</p> <p>Pada masa akan datang jika terdapat perolehan yang memerlukan pengecualian daripada mematuhi peraturan kewangan, berdasarkan justifikasi tertentu seperti perolehan kepada <i>Service Provider</i> atau perolehan segera, ianya akan diangkat bagi kelulusan Mesyuarat Anggota Perbadanan.</p>
5.4.1.1.a	<p>Pelantikan ZI Communications Sdn. Berhad Sebagai Penganjur Bersama</p> <p>i. Perolehan yang bernilai RM50,000 sehingga RM500,000 juta perlu dibuat melalui kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga A. PPj telah melantik syarikat ZI Communications Sdn. Berhad secara lantikan terus sebagai penganjur bersama bagi acara PIIACUF dengan kontrak berjumlah RM149,000 pada 2 September 2013 sehingga 30 November 2013. Antara skop kerja syarikat tersebut adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan bersama projek termasuk penyeliaan <i>project management plan</i> dan <i>timeline</i> serta laporan bulanan persiapan projek. • Perkhidmatan kreatif termasuk pembangunan laman web, bahan komunikasi dan promosi lain. • Komunikasi dan perhubungan awam. • Promosi, jualan dan mendapatkan tajaan bagi lot di khemah Souq dan taman kanak-kanak. • Menganjurkan pameran seni lukis berciri Islam dan acara lelong. 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> ii. Semakan Audit mendapati ZI Communication Sdn. Berhad telah mengemukakan invols bagi tujuan tuntutan pembayaran pra perancangan pengeluaran, penyelarasan dan pelaksanaan kerja untuk PIIACUF 2013 pada 29 Ogos 2013 sebelum surat niat dikeluarkan pada 2 September 2013. Antara kerja yang telah dilakukan adalah penyediaan laman web utama, ID pameran, pengaktifan media sosial, pembangunan kit jualan dan penyelarasan kerja-kerja penajaan. Sehingga bulan Disember 2013, PPj telah menjelaskan kesemua bayaran berjumlah RM149,000 kepada syarikat tersebut. iii. Semakan lanjut terhadap baucar bayaran berkaitan PIIACUF 2013 mendapati terdapat pesanan pembelian terus bagi perkhidmatan membekal cenderamata, hiasan pentas dan tenaga kerja telah dibuat kepada syarikat ZI Communication Sdn. Berhad sejumlah RM73,200. Perolehan secara pembelian terus tersebut bertujuan untuk penganjuran <i>Islamic World Film Screenings</i> pada 6 hingga 8 November 2013 berjumlah RM30,000 dan <i>Putrajaya International Islamic Forum</i> pada 7 dan 9 November 2013 berjumlah RM43,200. iv. Semakan Audit mendapati pelantikan ZI Communication Sdn. Berhad bagi perkhidmatan dan perolehan berjumlah RM149,000 dibuat tanpa melalui kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga A sebaliknya dibuat secara lantikan terus. Ini bertentangan dengan peraturan perolehan 	
5.4.1.1.b	<p>Bayaran Tambahan Pengiklanan Tanpa Dokumen Sokongan</p> <p>Semakan Audit mendapati bayaran pengiklanan sempena PIIACUF 2013 juga dibuat kepada syarikat ZI Communication Sdn. Berhad sejumlah RM93,332. Bayaran ini merupakan tambahan kos kepada <i>media buying</i> yang termasuk dalam kontrak asal. Bagaimanapun, tiada kelulusan arahan perubahan kerja bagi tambahan kos tersebut. Selain itu, bayaran ini tidak disertakan dokumen sokongan yang lengkap iaitu invois tuntutan daripada syarikat media berkenaan.</p>	
5.4.1.1.c	<p>Pelantikan Syarikat Media Tidak Mematuhi Peraturan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. PPj telah menandatangani perjanjian pada 24 Januari 2014 dengan sebuah syarikat media sebagai rakan penyiar rasmi sempena menyambut ulang tahun ketiga siarannya pada 5 November 2013. Syarikat media itu telah berunding dengan PPj bagi menerbitkan program serta menyiaran konsert keagamaan. Hak penyiaran eksklusif 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>konsert tersebut turut diberikan kepada syarikat media tersebut. Sebagai balasan kepada perjanjian usaha sama ini, PPj bersetuju membayar sejumlah RM848,000 termasuk 6% cukai perkhidmatan.</p> <p>ii. Kos perolehan yang melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender. Semakan Audit mendapati lantikan terus syarikat media berkenaan berjumlah RM848,000 tidak mematuhi kaedah perolehan yang ditetapkan. Semakan lanjut mendapati Surat Setuju Terima juga tidak dikeluarkan bagi pelantikan terus syarikat berkenaan sebagai rakan penyiar.</p> <p>Pada pendapat Audit, setiap perolehan perlu dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan supaya dapat memberikan pulangan terbaik dan <i>value for money</i> serta menjaga kepentingan PPj.</p> <p>Maklum Balas Daripada PPj Diterima Pada 29 Disember 2014</p> <p><i>ZI Communication Sdn. Berhad adalah rakan kerjasama penganjuran PIIACUF2013 dengan skop usaha sama dalam sumbangan kreatif, pembangunan laman web, bahan promosi dan komunikasi. Usaha sama ini merangkumi penggunaan networking ZI Communication Sdn. Berhad dengan pengarah filem antarabangsa, penceramah antarabangsa serta pengalaman syarikat. Oleh yang demikian, pembiayaan bagi kos terlibat adalah termasuk dalam skop perjanjian usaha sama ini. Bagaimanapun, kos terlibat adalah munasabah dan dipersetujui oleh PPj bagi memastikan prinsip perolehan kerajaan diguna pakai seperti best value for money. Tempahan media buying ini telah dipersetujui oleh PPj dan PPj telah menyemak bahawa semua kerja-kerja dilaksanakan sebagaimana yang diinvoiskan. PPj akan memastikan pada masa akan datang pengesahan invois adalah lebih teliti supaya perkara sebegini tidak berulang.</i></p> <p><i>Penganjuran PIIACUF2013 juga melibatkan kerjasama syarikat media berkenaan sebagai rakan kerjasama dan penyiar rasmi PIIACUF2013. Kerjasama ini berbentuk sambutan ulang tahun ke-3 TV AlHijrah yang mana kesemua programnya dibawa ke tapak festival. Usaha sama dengan TV AlHijrah telah membawa nilai kerjasama sebanyak RM2.04 juta dan viewership sebanyak 5 juta penonton yang mana kerjasama ini menguntungkan PPj.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.2	Kiosk Tidak Diguna Secara Optimum <p>PPj membuat pembelian kiosk mudah alih sebanyak 30 unit bermilai RM481,700 bertujuan menggalak aktiviti komersil di kawasan Kiblat Walk yang berkeluasan 13,639 meter persegi sempena Festival Ramadhan 2013. Perolehan dibuat melalui sebut harga dan syarikat yang telah dilantik adalah AZA Maintenance & Services.</p>	Sehingga 10 Mac 2015, sebayak 18 kiosk telah dipasang sekitar Putrajaya dan baki 12 kiosk akan dipasang secara berperingkat dan dijangka siap dipasang sepenuhnya pada awal Jun 2015.
5.4.2.2	<p>Semakan Audit mendapati 26 daripada 30 kiosk tersebut tidak digunakan selepas tamat Festival Ramadhan 2013. Semakan lanjut mendapati sebut harga tidak termasuk kerja membuka kembali kiosk. Selain itu, kerja membuka kembali kiosk dan menyimpan kiosk di Stor Depoh, Presint 20 telah dibuat secara pembelian terus kepada Syarikat Proland Ventures berjumlah RM36,600. Kos keseluruhan bagi kerja-kerja mereka bentuk, membina, membekal, memasang, membuka kembali kiosk dan menyimpannya di stor adalah sejumlah RM518,300 yang disiapkan pada 2 Oktober 2013.</p>	
5.4.2.3	<p>Semakan Audit sehingga bulan Oktober 2014 mendapati 12 kiosk telah dipasang di 8 lokasi sekitar Putrajaya manakala baki 18 kiosk disimpan di Stor Depoh, Presint 20. Pemasangan 12 unit kiosk telah dilakukan antara bulan Oktober 2013 sehingga Januari 2014. Sejumlah RM99,640 telah dibayar kepada 3 kontraktor yang dilantik bagi tujuan pemasangan kiosk tersebut.</p>	
5.4.2.4	<p>Semakan Audit mendapati PPj membuat perolehan secara sebut harga bagi perkhidmatan sewaan kiosk untuk meningkatkan aktiviti komersial semasa Festival Ramadhan 2014. Semakan lanjut mendapati PPj telah menyewa sebanyak 76 kiosk dan kelengkapan berkaitan termasuk pemasangan semula 4 unit kiosk berjumlah RM345,760 bagi tempoh 1 bulan untuk Festival Ramadhan 2014.</p>	
5.4.2.5	<p>Berdasarkan Minit Mesyuarat Sebut Harga Bilangan 9 Tahun 2014 hanya 4 daripada 30 kiosk boleh digunakan semula bagi Festival Ramadhan 2014. Ini disebabkan tiada pegawai PPj yang mahir dalam pemasangan semula kiosk dan tiada perancangan yang teliti dibuat oleh PPj bagi menentukan kiosk patut dibeli atau disewa.</p>	
5.4.2.6	<p>Lawatan Audit pada 1 Oktober 2014 ke 2 kiosk di Pusat Kitar Semula di Presint 9 dan 2 kiosk yang diubah suai di Park & Ride di Presint 14 mendapati kiosk yang dipasang semula tidak digunakan atau disewa.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.2.7	<p>Lawatan Audit selanjutnya ke Stor Depoh, Presint 20 pada 1 Oktober 2014 mendapati sebahagian komponen kiosk diletakkan di bawah kawasan berbumbung manakala sebahagian lagi dibiarkan terdedah tanpa sebarang pelindung.</p> <p>Pada pendapat Audit, tiada perancangan yang teliti dibuat oleh PPj bagi menentukan kiosk patut dibeli atau disewa menyebabkan berlakunya pembaziran kerana kiosk sedia ada tidak digunakan semula.</p> <p>Maklum Balas Daripada PPj Diterima Pada 29 Disember 2014</p> <p><i>Pada tahun 2014 apabila kiosk tersebut hendak diguna semula didapati terdapat kerosakan pada kiosk disebabkan oleh kelemahan rekabentuk yang memerlukan kos pengubahsuaian yang agak tinggi dan tempoh masa yang lama untuk memasang semula. Pada masa yang sama terdapat permintaan untuk menambah bilangan ruang niaga daripada 30 kepada 76 lot. Sehubungan itu, PPj memutuskan untuk menyewa kiosk bagi Festival Ramadhan 2014. Bagaimanapun, kiosk yang digunakan pada Festival Ramadhan 2013 akan digunakan semula dengan sedikit pengubahsuaian di tempat-tempat yang telah dikenal pasti seperti di taman-taman awam. Sebanyak 12 kiosk telah siap dipasang dan baki 18 kiosk akan dipasang lagi secara berperingkat.</i></p>	
5.4.3.1	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dengan segera. PPj telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui mesyuarat Anggota Perbadanan, Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Di Bawah Rancangan Malaysia bagi membincangkan kemajuan aktiviti/program/projek dan kelulusan pelupusan. Selain itu, kemajuan projek akan dibincangkan secara terperinci di peringkat Jabatan yang membuat perolehan.</p>	
5.4.3.2	<p>Bagaimanapun, hasil perbincangan di peringkat setiap Jabatan pelaksana mengenai masalah kemajuan aktiviti/program/projek tidak dibincangkan secara menyeluruh dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan peringkat tertinggi. Ini menyebabkan kelemahan pelaksanaan dan tindakan pemantauan bagi perolehan tidak dapat dikenal pasti di peringkat awal dan tindakan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>penyelesaian segera tidak dapat diambil.</p> <p>Pada pendapat Audit, permantauan terhadap pengurusan perolehan adalah kurang berkesan kerana masalah yang berbangkit di peringkat awal tidak dikenal pasti dan tidak diambil tindakan penyelesaian.</p>	

**(SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN)**

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014**

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

Perenggan 6 : Pengurusan Syarikat ESPEK Sdn. Bhd.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.2.1.	Prestasi Aktiviti	
6.4.2.1.a	Aktiviti utama bagi ESPEK adalah mengurus ladang dan kilang sawit yang dimiliki oleh RISDA.	Keuntungan bersih ladang pada tahun 2011 iaitu sejumlah RM146.22 juta menurun kepada RM52.33 juta pada tahun 2013. Faktor utama adalah penurunan harga sawit dan kekurangan Buah Tandan Segar yang diterima dari ladang. Tindakan Pembetulan adalah seperti berikut:-
6.4.2.1.b	Semakan Audit mendapati keuntungan ladang dan kilang sawit menunjukkan penurunan yang berterusan. Keuntungan bersih ladang pada tahun 2011 iaitu sejumlah RM146.22 juta menurun sejumlah RM34.77 juta atau 23.8% kepada RM111.45 juta pada tahun 2012 dan menurun sejumlah RM59.12 juta atau 53% kepada RM52.33 juta pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Penurunan keuntungan ladang adalah disebabkan penurunan hasil jualan operasi ladang bagi 3 tahun berturut-turut kesan daripada penurunan harga sawit dan proses tanam semula. Di samping itu, terdapat kawasan ladang yang terlibat dengan banjir menyebabkan hasil ladang tidak dapat dipungut terutamanya di kawasan pantai timur pada bulan Oktober, November dan Disember. Penurunan harga jualan Buah Tandan Segar dan kos operasi yang semakin meningkat juga memberi kesan kepada keuntungan ladang.	i. Melaksanakan kerja pembajaan <i>on time</i> . ii. Menebus guna tanah kosong berpaya/rendah dengan teknologi <i>cambering</i> . iii. Penggunaan teknologi <i>cambering</i> di kawasan tanam semula.. iv. Menambahbaik infrastruktur jalan pertanian lading.os operasi. v. Memperluaskan kerja pengutipan Buah Tandan Segar dari pokok ke pokok dengan menggunakan sistem kerbau. vi. Penggunaan pengangkutan Buah Tandan Segar <i>main line transportation</i> dengan sistem lori BIN .
6.4.2.1.c	Prestasi kilang sawit juga menunjukkan penurunan iaitu keuntungan yang diperoleh pada tahun 2011 berjumlah RM10.19 juta menurun sejumlah RM6.55 juta atau 64.3% kepada RM3.64 juta pada tahun 2012 dan menurun sejumlah RM0.74 juta atau 20.3% kepada RM2.90 juta pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Penurunan keuntungan kilang adalah disebabkan kurangnya Buah Tandan Segar yang diterima dari ladang kesan daripada proses tanam semula dan banjir yang dialami oleh pihak ladang. Kekurangan tersebut menyebabkan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Buah Tandan Segar yang diproses berkurangan dan seterusnya menjelaskan pengeluaran Minyak Sawit Mentah.</p> <p>Penurunan harga jualan Minyak Sawit Mentah dari RM2,818.70 per tan metrik pada bulan Disember 2012 kepada RM2,363.98 per tan metrik pada bulan Disember 2013 dan kos operasi yang semakin meningkat juga memberi kesan kepada keuntungan kilang.</p> <p>Pada pendapat Audit, penurunan keuntungan yang berterusan daripada akaun ladang dan akaun kilang bagi tahun 2011 sehingga 2013 memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat. Ini kerana yuran pengurusan yang diterima adalah bergantung kepada hasil jualan operasi.</p> <p>Maklum Balas Daripada ESPEK Diterima Pada 3 Disember 2014</p> <p><i>ESPEK telah melaksanakan usaha meningkatkan produktiviti ladang melalui aktiviti Good Agriculture Practices (GAP). Selain itu, usaha mengurangkan kos ladang telah dilaksanakan dengan mengadakan Bengkel Pengurangan Kos melibatkan pengurus ladang. Antara strategi bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan kos adalah seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Melaksanakan kerja pembajaan on time untuk mengelakkan pembaziran.</i> <i>ii. Menebus guna tanah kosong berpaya/rendah dengan teknologi cambering semasa kerja pembangunan tanah.</i> <i>iii. Penggunaan teknologi cambering di kawasan tanam semula di tanah rendah/sering banjir dapat meningkatkan kesuburan pokok.</i> <i>iv. Menambahbaik infrastruktur jalan pertanian ladang dengan pelurusan secara sistematis di kawasan tanah rata akan mengurangkan kos operasi.</i> <i>v. Memperluaskan kerja pengutipan Buah Tandan Segar dari pokok ke pokok dengan menggunakan sistem kerbau dapat meningkatkan produktiviti pekerja.</i> <i>vi. Penggunaan pengangkutan Buah Tandan Segar main line transportation dengan sistem lori BIN mempercepatkan kerja evakuasi Buah Tandan Segar ke kilang.</i> 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.2.3	<p>Kadar Pemprosesan (<i>Throughput</i>) Kilang</p> <p>6.4.2.3.a ESPEK telah menetapkan KPI pemprosesan Buah Tandan Segar bagi Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong dan Durian Mas pada kadar 45 tan metrik sejam.</p>	<p>Kemampuan Kilang Sawit RISDA Durian Mas memproses buah berkurangan disebabkan oleh bekalan Buah Tandan Segar yang diterima berkurangan.</p>
6.4.2.3.b	<p>Semakan Audit mendapati pemprosesan Buah Tandan Segar di Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong bagi tahun 2013 ialah 47.42 tan metrik sejam iaitu melepas kadar yang disasarkan iaitu 45 tan metrik sejam. Bagaimanapun, kemampuan Kilang Sawit RISDA Durian Mas iaitu pada kadar 44.38 tan metrik sejam. Ini disebabkan oleh bekalan Buah Tandan Segar yang diterima berkurangan kerana banyak kawasan di Ladang Ulu Paka telah ditanam semula</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kadar pemprosesan (<i>throughput</i>) kilang sawit adalah memuaskan kerana secara purata prestasi kedua-dua kilang pemprosesan pada tahun 2013 telah mencapai 45 tan metrik sejam.</p> <p>Maklum Balas Daripada ESPEK Diterima Pada 14 Ogos 2014</p> <p><i>Usaha sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian pemprosesan Buah Tandan Segar Kilang Sawit Durian Mas. Mulai Mac 2014, Kilang Sawit RISDA Durian Mas telah pun mencapai kadar pemprosesan melebihi sasaran.</i></p>	<p>Tindakan Pembetulan</p> <p>Mulai Mac 2014, Kilang Sawit RISDA Durian Mas telah pun mencapai kadar pemprosesan melebihi sasaran iaitu 45 tan metrik sejam melalui dasar semua buah ladang dihantar ke Kilang.</p>
6.4.2.1	<p>Kadar Perahan Minyak</p> <p>6.4.2.1.a Kadar perahan minyak (OER) ialah kuantiti minyak sawit mentah yang dapat dihasilkan melalui pemprosesan daripada Buah Tandan Segar. Menurut Manual Rujukan Perladangan ESPEK (<i>Agricultural Reference Manual</i>), OER yang baik adalah pada kadar 20%.</p>	<p>Purata tahunan OER bagi Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong dari tahun 2011 sehingga 2013 dipersetujui belum mencapai tahap 20%.</p>
6.4.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati purata tahunan OER bagi Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong dari tahun 2011 sehingga 2013 belum mencapai tahap 20% yang ditetapkan. Purata tahunan OER yang terbaik pernah dicapai oleh Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong adalah pada tahun 2011 iaitu 19.92%. Kilang Sawit RISDA Durian Mas pula telah mencapai sasaran OER yang ditetapkan dengan purata tahunan terbaik pada tahun 2012 iaitu 20.44%.</p>	<p>Prestasi terkini dan Tindakan Pembetulan</p> <p>OER di Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong telah meningkat pada tahun 2014 berbanding 2013. Purata kadar OER setakat Jun 2014 adalah 20.12%, melebihi 2.02% berbanding purata OER tahun 2013 iaitu sebanyak 19.72%.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.2.1.c	<p>Kadar OER dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya adalah usia pokok iaitu pokok yang lebih berusia dapat menghasilkan buah yang cukup matang dan dapat mengeluarkan OER yang lebih baik berbanding pokok yang baru. Kadar OER yang rendah di Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong adalah disebabkan Buah Tandan Segar yang diterima dari Ladang RISDA Ulu Keratong dan Pekotai Timur di mana pokoknya berusia antara 3 hingga 7 tahun, manakala Kilang RISDA Durian Mas pula menerima Buah Tandan Segar dari ladang yang pokoknya lebih berusia iaitu antara 9 sehingga 24 tahun. Selain itu, ia juga disebabkan ketidaktentuan kualiti Buah Tandan Segar yang dihantar ke kilang dari ladang luar.</p>	<p>Mulai tahun 2012, ESPEK telah menetapkan dasar supaya program tanam semula dilaksanakan secara berperingkat.</p> <p>Pada tahun 2014, dianggarkan bekalan Buah Tandan Segar dalaman ke Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong meningkat daripada 137,776 tan metrik kepada 161,404 tan metrik iaitu sebanyak 17% .</p>
6.4.2.1.d	<p>Kilang Sawit RISDA memproses Buah Tandan Segar yang dibekalkan oleh ladang RISDA dan juga ladang swasta. Semakan Audit mendapati, Ladang RISDA Ulu Keratong banyak bergantung kepada Buah Tandan Segar dari ladang swasta iaitu 70.8% dan 70.5% bagi tahun 2011 dan 2012 disebabkan proses tanam semula. Bagaimanapun, mulai tahun 2013 sumber utama Buah Tandan Segar adalah dari ladang RISDA sendiri kerana pokok yang ditanam semula telah mengeluarkan hasil. Bagi Kilang RISDA Durian Mas pula sumber utama Buah Tandan Segar adalah dari ladang RISDA sendiri di mana bekalan Buah Tandan Segar dari ladang swasta adalah 17.5% dan 24.3% bagi tahun 2011 dan 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, purata tahunan OER adalah memuaskan kerana Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong hampir mencapai kadar 20.0% manakala Kilang Sawit RISDA Durian Mas telah mencapai kadar 20.0% perahan minyak OER.</p> <p>Maklum Balas Daripada ESPEK Diterima Pada 14 Ogos 2014</p> <p><i>OER di Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong telah meningkat pada tahun 2014 berbanding 2013. Purata kadar OER setakat Jun 2014 adalah 20.12%, melebihi 2.02% berbanding purata OER tahun 2013 iaitu sebanyak 19.72%. Pada masa yang lepas, ESPEK telah melaksanakan tanam semula kawasan berskala besar. Ini telah memberi kesan negatif kepada Kilang Sawit Ulu Keratong kerana terpaksa mendapatkan bekalan Buah Tandan Segar dari luar yang pengeluaran dan kualiti tidak dapat dikawal. Mulai tahun 2012, ESPEK telah menetapkan dasar supaya program tanam semula dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahun 2014, dianggarkan bekalan Buah Tandan Segar dalaman ke Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong meningkat daripada 137,776 tan metrik kepada 161,404 tan metrik iaitu sebanyak 17% menjadikan peratus bekalan Buah Tandan Segar dalaman meningkat daripada 59.6% kepada</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>69.0%.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti ESPEK adalah memuaskan. Dari segi prestasi kewangan aktiviti, walaupun ESPEK memperoleh keuntungan bersih tahun semasa, namun ia menunjukkan trend yang menurun setiap tahun. Selain itu, purata tahunan kadar perahan minyak (OER) hampir mencapai sasaran 20.0% seperti yang ditetapkan oleh Manual Rujukan Perladangan ESPEK.</p>	

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014**

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

Perenggan 7 : Pengurusan Syarikat ESPEK Livestock Sdn. Bhd.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
7.4.2.1	Prestasi Perniagaan Lembu Integrasi Dan Fidlot									
7.4.2.1.a	<p>Bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2013, hasil jualan lembu yang diperoleh adalah berjumlah RM20.87 juta. Prestasi jualan lembu menunjukkan penurunan setiap tahun. Antara faktor utama penurunan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga jualan lembu yang menyebabkan penurunan ke atas permintaan lembu.</p>	<p>Prestasi jualan lembu menunjukkan penurunan setiap tahun berpunca daripada kenaikan harga jualan lembu daripada pesaing. Harga pasaran jualan tidak dapat ditentukan dari aspek pemasaran terbuka.</p> <p>Pada tahun 2012, sasaran kelahiran adalah sebanyak 60% dan pencapaian adalah sebanyak 34.8%. Pada tahun 2013, sasaran kelahiran adalah 60 % dan pencapaian adalah 38.4%.</p> <p>Prestasi dan Tindakan Pembetulan</p> <ol style="list-style-type: none"> Walaupun bajet pendapatan berkurangan dan bilangan kelahiran juga berkurangan tetapi syarikat telah menjana pendapatan peringkat keuntungan seperti berikut melalui keuntungan tahunan:- <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">TAHUN</th><th style="text-align: center;">UNTUNG BERSIH (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2011</td><td style="text-align: center;">289,786</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2012</td><td style="text-align: center;">652,994</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2013</td><td style="text-align: center;">1,835,449</td></tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> Bagi mencapai kadar kelahiran mengikut panduan oleh pihak RISDA, penggantian induk baru dilakukan dengan perolehan induk baru melalui program EPP 5 (PEMANDU) Cadangan kadar sasaran kelahiran dikaji semula oleh pihak RISDA berdasarkan prestasi pencapaian tahunan syarikat. 	TAHUN	UNTUNG BERSIH (RM)	2011	289,786	2012	652,994	2013	1,835,449
TAHUN	UNTUNG BERSIH (RM)									
2011	289,786									
2012	652,994									
2013	1,835,449									
7.4.2.1.b	<p>Bagi mengukur kecekapan pengurusan dan produktiviti perniagaan lembu integrasi, Panduan Menterik Lembu Pedaging Pekebun Kecil dari RISDA meletakkan kadar kelahiran adalah melebihi 60% daripada jumlah induk. Selain itu, ELSB juga menetapkan bilangan sasaran kelahiran setiap tahun.</p>									
7.4.2.1.c	<p>Semakan Audit mendapati, jumlah kelahiran bagi tahun 2012 dan 2013 iaitu 34.8% dan 38.4% masing-masing adalah di bawah garis minimum yang ditetapkan oleh pihak RISDA. Kelahiran bagi tahun 2011 sehingga 2013 juga didapati tidak mencapai sasaran kelahiran yang ditetapkan oleh ELSB. Pihak ELSB memaklumkan kadar kelahiran yang rendah disebabkan induk yang sedia ada sudah tua dan tidak produktif dengan purata umur lebih 5 tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya ELSB masih belum mencapai kadar kelahiran mengikut panduan oleh pihak RISDA pada tahun 2012 dan 2013. Sasaran kelahiran yang ditetapkan oleh ELSB juga masih belum tercapai.</p> <p>Maklum Balas Daripada ELSB Diterima Pada 26 Ogos 2014</p> <p><i>Penggantian induk baru sedang dilakukan dengan perolehan induk baru melalui program EPP5. Penambahbaikan laporan sedang dilaksanakan agar</i></p>									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>kajian punca kelahiran yang rendah dapat dikenal pasti.</i>	
7.4.2.2	Prestasi Penternakan Kambing Boer	
7.4.2.2.a	<p>Penternakan kambing Boer mengalami kerugian berterusan di mana jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan yang diperoleh bagi tahun 2011 sehingga 2013. Sehingga 31 Disember 2013, kerugian daripada aktiviti penternakan kambing ini adalah berjumlah RM1.44 juta walaupun prestasi jualan kambing ini menunjukkan peningkatan setiap tahun.</p> <p>Pendapatan jualan kambing sehingga tahun 2013 adalah berjumlah RM1.01 juta manakala kos operasi dan pentadbiran berjumlah RM2.45 juta. Kos operasi dan pentadbiran ini antaranya terdiri daripada kos menyenggara padang ragut dan kandang, makanan, ubatan dan buruh. Kerugian ternakan kambing ini memberi kesan ke atas keuntungan ELSB secara keseluruhan.</p>	<p>Perbelanjaan melebihi pendapatan bagi tahun 2011 sehingga 2013 disebabkan oleh kambing kurang sihat, berpenyakit dan kurus semasa diterima pada tahun 2011 di mana syarikat perlu menanggung kos rawatan yang berterusan.</p> <p>Selain itu, kos pembaikan kandang, penanaman semula rumput napier, peningkatan harga makanan yang berkualiti dan pembelian mesin <i>chopper</i>, traktor dan <i>harvester</i> juga menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan. Jualan kambing tidak mencapai sasaran adalah kerana persaingan harga kambing hidup dan harga daging import.</p> <p>Tindakan pembetulan melalui penamatan pemasaran Kambing:</p>
7.4.2.2.b	<p>Hasil jualan ternakan kambing juga tidak mencapai anggaran pendapatan iaitu hanya mencapai 43.5% bagi tahun 2011 sehingga 2013.</p> <p>Maklum Balas Daripada ELSB Diterima Pada 3 Disember 2014</p> <p><i>Perbelanjaan melebihi pendapatan bagi tahun 2011 sehingga 2013 antaranya disebabkan oleh kambing kurang sihat, berpenyakit dan kurus semasa diterima pada tahun 2011 di mana syarikat perlu menanggung kos rawatan yang berterusan. Selain itu, kos pembaikan kandang, penanaman semula rumput napier, peningkatan harga makanan yang berkualiti dan pembelian mesin chopper, traktor dan harvester juga menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan. Jualan kambing tidak mencapai sasaran adalah kerana persaingan harga kambing hidup dan harga daging import.</i></p>	<p>Program pemasaran kambing dihentikan melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 10 Disember 2014.</p>
7.4.2.2.c	<p>Kelahiran Kambing Tidak Mencapai Sasaran</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Nisbah kadar kelahiran anak yang ditetapkan adalah 1:1 berdasarkan bilangan induk setahun manakala kadar kematian pada tahap kurang 5% setahun bagi induk dan pejantan serta 10% kematian anak setahun. ii. Semakan Audit mendapati kadar kelahiran tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2011, Ladang RISDA Tanjung Genting mencatatkan kadar kelahiran sebanyak 0.43:1 dan meningkat kepada 0.90:1 pada tahun 2013. Jumlah kematian bagi tahun 2011 adalah 26% 	<p>Seterusnya setelah kelulusan Lembaga Pengarah ELSB diperoleh, cadangan pemasaran baru diadakan sebagai tindakan <i>alternative</i>. Bentuk pemasaran baru masih dalam peringkat kajian bersama dengan MARDI berkaitan dengan projek SAVANNAH.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>namun berkurangan kepada 12% pada tahun 2013. Bagi Ladang RISDA Kampung Awah pula, kadar kelahiran pada tahun 2011 adalah 0.23:1 dan meningkat kepada 0.92:1 pada tahun 2013. Jumlah kematian menurun dari 61% pada tahun 2011 kepada 21% pada tahun 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti ternakan kambing Boer adalah kurang memuaskan dengan kerugian yang berterusan dan prestasi jualan hanya mencapai 43.5% daripada sasaran pendapatan bagi tahun 2011 hingga 2013. Kadar kelahiran anak kambing juga masih di bawah paras peratus sasaran yang ditetapkan walaupun telah dilaksanakan selama 3 tahun.</p> <p>Maklum Balas Daripada ELSB Diterima Pada 3 Disember 2014</p> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Kelahiran tidak mencapai sasaran antaranya disebabkan oleh kebanyakannya induk sedia ada telah tua dan kurang produktif, induk yang diterima mempunyai fizikal yang kurus dan berpenyakit menyebabkan kadar kebuntingan rendah serta pejantan telah tua dan kurang produktif. Antara tindakan yang telah diambil adalah menyingkirkan induk dan pejantan yang tidak produktif, memperoleh pejantan baru yang produktif dan menaiktaraf anak-anak betina menjadi induk baru yang mula dilaksanakan pada November 2012. Tindakan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan dan jualan serta mengurangkan kerugian syarikat.</i> b. <i>Berdasarkan kerugian berterusan yang dialami, Kertas Kerja Cadangan Penamatan Sebagai Agen Mengurus Projek akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 10 Disember 2014 untuk kelulusan sebelum diserahkan kepada RISDA.</i> 	
7.4.2.3	<p>Projek Lembu RISDA (PLR)</p> <p>7.4.2.3.a Pada bulan Januari 2008, Perjanjian Pengurusan Pusat Pembakaan dan Pembiasaan Lembu Kacukan Brahman RISDA telah ditandatangani antara ELSB dan RISDA. Pengurusan lembu tersebut telah bermula pada tahun 2006 dan berakhir pada tahun 2012. RISDA menanggung kos berjumlah RM10.50 juta bagi perolehan lembu, harta tetap, infrastruktur, buruh, makanan, peralatan, ubatan dan lain-lain keperluan.</p> <p>Setelah tamat tempoh perjanjian, stok dan aset akan menjadi hak milik ELSB. Mengikut perjanjian ini, ELSB bertanggungjawab untuk mencapai kadar</p>	<p>Tindakan pembetulan:-</p> <p>Penubuhan Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan melalui keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ELSB kali ke 50 pada 10 Disember 2014 dimana kajian semula dan mencari jalan penyelesaian dilakukan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kelahiran yang ditetapkan, mengawal kadar kematian induk dan pejantan pada tahap kurang dari 5% setahun dan 10% setahun bagi anak lembu.	
7.4.2.3.b	Anak lembu yang dihasilkan akan dibekalkan kepada pekebun kecil/peserta di bawah Program Peningkatan Ekonomi mengikut permintaan. Dalam tempoh 2010 sehingga 2012, sejumlah 478 anak lembu telah diagihkan kepada pekebun kecil/ peserta Program Peningkatan Ekonomi. Stok lembu PLR setakat 31 Disember 2013 adalah 4,293 ekor.	
7.4.2.3.c	<p>Semakan Audit mendapati, kadar kelahiran bagi tahun 2010 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Peratus kelahiran bagi tahun 2010 adalah sebanyak 33.3% berbanding sasaran 45%. Bagi tahun 2011 dan 2012, peratus kelahiran adalah 40.3% dan 44% masing-masing berbanding 60% sasaran yang ditetapkan. Pihak ELSB memaklumkan bahawa kadar kelahiran tidak dapat dicapai kerana kawasan ragutan yang terhad akibat aktiviti tanam semula kelapa sawit dan proses penyesuaian lembu Brahman dengan persekitaran tempatan memerlukan tempoh yang panjang.</p> <p>Kadar kematian pejantan pada tahun 2010 adalah 5.8% berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu kurang dari 5% setahun. Pihak ELSB memaklumkan antara sebab kematian pejantan adalah kerana serangan binatang liar. Bagaimanapun, kadar kematian pejantan berkurangan kepada 4.5% dan 3.8% pada tahun 2011 dan 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, projek ini memuaskan kerana kadar kematian induk, pejantan dan anak lembu berjaya dikawal iaitu kurang daripada kadar kematian yang ditetapkan. Bagaimanapun, kadar kelahiran anak lembu tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sehingga projek berakhir pada tahun 2012.</p>	<p>Tindakan pembetulan:-</p> <p>Syarikat telah membuat penambahan pelaporan kelahiran dan kematian dan prestasi ini telah dilapor dan dibincangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Laporan tersebut dijadikan panduan terhadap pencapaian dan aspek pemantauan berterusan.</p>
7.4.2.4	<p>Standard Operating Procedure/Manual Operasi Tidak Disediakan</p> <p><i>Standard Operating Procedure (SOP)/Manual Operasi</i> perlu disediakan sebagai garis panduan serta kemudahan rujukan pekerja supaya operasi dan pengurusan harian dapat dilaksanakan dengan cekap dan sempurna.</p> <p>Dokumen ini hendaklah disediakan dengan lengkap dan terperinci supaya setiap pekerja memahami dengan jelas tugas yang perlu dilaksanakan seterusnya dapat mengelakkan kelewatan dalam menyelesaikan sesuatu kerja. Semakan Audit mendapati ELSB tidak mempunyai SOP/Manual Operasi sebagai panduan untuk menguruskan aktiviti penternakan lembu.</p>	<p>Tindakan pembetulan:-</p> <p>SOP atau Manual Operasi Penternakan ELSB telah disediakan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-48 pada 15 Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.2.4.a	<p>Kandang Tidak Disenggara Dengan Baik</p> <p>i. Pemeriksaan Audit mendapati, kandang fidlot tidak disenggara dengan baik di Ladang RISDA Durian Mas, Gelung Pepuyu dan Ulu Keratong dengan lantai kandang dipenuhi dengan tinja dan becak. Berdasarkan temu bual pihak Audit dengan pegawai ternakan ELSB, pembersihan kandang hanya dibuat apabila perlu. Tiada SOP disediakan bagi penyenggaraan kandang.</p>	
7.4.2.4.b	<p>Rekod Makanan Dan Ubatan Tidak Diselenggara</p> <p>Mengikut Panduan Menternak Lembu Pedaging Pekebun Kecil yang dikeluarkan oleh RISDA, pengurusan rekod adalah penting untuk memudahkan penilaian prestasi projek fidlot yang diusahakan khususnya penilaian ke atas kos operasi fidlot berbanding keuntungan. Antara rekod penting adalah pemberian makanan, rekod kesihatan/ubatan dan rekod personal ternakan.</p> <p>Lawatan Audit pada bulan Mac dan April 2014 ke Ladang RISDA Durian Mas, Gelung Pepuyu dan Ulu Keratong mendapati hanya fidlot Ulu Keratong sahaja yang menyelenggara rekod pemberian makanan dan kesihatan/ubatan. Bagaimanapun, rekod personel ternakan ada disediakan oleh semua ladang yang dilawati.</p>	<p>Tindakan pembetulan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Operasi pengesahan stok (<i>stock verification</i>) telah dijalankan pada bulan Disember 2014 untuk mengesahkan maklumat fizikal dan rekod di dalam sistem adalah sama dan tepat. ii. Penyediaan kepada buku rekod makanan dan ubatan telah dikemaskini dan disemak oleh petugas pada setiap masa sebagai usaha pengukuhkan tadbir urus dalam permasaran.
7.4.2.4.c	<p>Laporan Bulanan Populasi Lembu Tidak Tepat</p> <p>ESPEK Livestock Sdn. Berhad menggunakan Sistem Penternakan yang dibangunkan oleh Unit Teknologi Maklumat, ESPEK. Sistem ini digunakan bagi merekodkan jumlah lembu di sesebuah ladang, kelahiran, kematian, pembelian, jualan dan pergerakan lembu dari ladang ke ladang. Setiap ladang akan menghantar laporan ini ke Ibu Pejabat setiap bulan bagi tujuan pemantauan. Semakan Audit terhadap Laporan Populasi Ternakan pada bulan Mac 2014 mendapati berat lembu adalah tidak selari dengan usia. Ini disebabkan oleh maklumat ternakan tidak dikemas kini semasa perpindahan lembu dari ladang ke ladang. Pada umumnya lembu yang berumur 3 tahun ke atas mempunyai berat minimum 200kg.</p> <p>Pada pendapat Audit, keadaan kandang semasa lawatan Audit dijalankan pada bulan Mac dan April 2014 adalah tidak memuaskan kerana dipenuhi tinja dan becak serta boleh memudaratakan kesihatan lembu. Pengurusan rekod ternakan juga tidak memuaskan kerana rekod pemberian makanan dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kesihatan ternakan tidak disediakan. Selain itu, Laporan Bulanan Populasi Lembu tidak dikemas kini menyebabkan maklumat tidak boleh digunakan untuk pemantauan prestasi lembu yang ditemak.</p> <p>Maklum Balas Daripada ELSB Yang Diterima Pada 26 Ogos dan 3 Disember 2014</p> <p><i>SOP/Manual Operasi Penternakan ELSB telah disediakan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 48 pada 15 Mei 2014. Pengurusan kandang dan rekod berkaitan ternakan telah dinyatakan dalam SOP tersebut. Operasi pengesahan stok (stock verification) telah dijalankan pada bulan September 2014 untuk mengesahkan maklumat fizikal dan rekod di dalam sistem adalah sama.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti ELSB adalah kurang memuaskan. Hasil jualan lembu menunjukkan penurunan manakala penternakan kambing Boer mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2011 sehingga 2013. Secara keseluruhannya ELSB masih belum mencapai kadar kelahiran yang ditetapkan oleh pihak RISDA pada tahun 2012 dan 2013. Sasaran kelahiran yang ditetapkan oleh ELSB juga masih belum tercapai.</p>	
7.4.3	<p>Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan</p> <p>7.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Secara umumnya tadbir urus korporat ELSB adalah baik.</p>	<p>Tindakan pembetulan:-</p> <p>Pemeriksaan Aset dan Inventori telah diselaraskan dengan syarikat induk (asal ESPEK Berhad) dan pemeriksaan aset dijalankan dan telah disempurnakan.</p>
7.4.3.2	<p>Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Secara umumnya pengurusan ELSB adalah baik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ELSB tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori sekurang-kurangnya sekali setahun untuk mengenal pasti kewujudan dan tahap boleh guna sesuatu aset tersebut.</p>	<p>Tindakan pembetulan:-</p> <p>Pemeriksaan Aset dan Inventori telah diselaraskan dengan syarikat induk (asal ESPEK Berhad) dan pemeriksaan aset dijalankan dan telah disempurnakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada ELSB Diterima Pada 3 Disember 2014</p> <p><i>Pemeriksaan aset telah dilaksanakan pada bulan November 2014 mengikut tatacara yang ditetapkan.</i></p>	

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014**

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

Perenggan 8 : Pengurusan Syarikat ESPEK Plantation Sdn. Bhd.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.2.1	<p>Prestasi Kewangan Aktiviti EPSB</p> <p>8.4.2.1.a</p> <p>Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan operasi EPSB meningkat sejumlah RM3.56 juta atau 2.7% kepada RM133.20 juta pada tahun 2012 berbanding RM129.64 juta pada tahun 2011.</p> <p>Bagaimanapun, pada tahun 2013, pendapatan operasi menurun sejumlah RM20.37 juta atau 15.3% kepada RM112.83 juta. Penurunan ini disebabkan EPSB kurang mendapat kontrak di ladang RISDA, pembelian buah tandan segar dan kerja-kerja am di ladang RISDA selaras dengan langkah penjimatan yang diamalkan di RISDA.</p> <p>Selain itu, ketidaktentuan harga komoditi sawit dan getah turut mempengaruhi jumlah pendapatan EPSB. Bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2013, jumlah keseluruhan pendapatan operasi EPSB adalah berjumlah RM375.67 juta.</p>	<p>Penurunan pendapatan telah diperbetulkan dengan perlaksanaan dasar baru iaitu <i>Right of First Refusal (ROFR)</i>.</p> <p>Tindakan Pembetulan:-</p> <p>Pelan untuk mencapai keuntungan telah dilaksanakan supaya setanding dengan harga pasaran.</p> <p>Bagi mencapai sasaran, EPSP telah melaksanakan tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penambahan jentera pertanian ii. Penambahan tenaga kerja ladang <p>Pelan tindakan seperti maklumbalas pada 9.4.2.1.b adalah untuk meningkatkan paras keuntungan syarikat.</p>
8.4.2.1.b	<p>EPSB mencatat keuntungan kasar sebanyak 108.1% pada tahun 2011, 110.7% pada tahun 2012 dan 97.4% pada tahun 2013 berbanding sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, aktiviti penanaman semula, penuaian Buah Tandan Segar, penorehan getah, penyelenggaraan dan bekalan input pertanian yang dijalankan pada tahun 2013 tidak mencapai sasaran keuntungan kasar dengan pencapaian antara 45.2% sehingga 82.5%.</p> <p>Sasaran keuntungan kasar tidak dicapai kerana EPSB gagal mendapat tender yang ditawarkan. Selain itu, perolehan setiap aktiviti dilaksanakan melalui proses tender atau sebut harga dan kejayaan untuk mendapat projek tertakluk kepada harga tawaran yang terbaik. Oleh itu, untung kasar adalah rendah kerana faktor persaingan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan aktiviti EPSB berdasarkan untung kasar adalah baik bagi tempoh 2011 sehingga 2013 kerana menunjukkan peningkatan setiap tahun. Bagaimanapun, pada tahun 2013 peratus pencapaian berbanding sasaran untung kasar berkurang kepada 97.4%. Ini adalah kerana EPSB kurang mendapat kontrak kerja pada tahun 2013.</p> <p>Maklum Balas Daripada EPSB Diterima Pada 5 Disember 2014</p> <p><i>Sasaran tahun 2013 tidak dicapai disebabkan kegagalan mendapatkan tender. Mulai tahun 2014, syarikat induk meluluskan pelaksanaan dasar perolehan baru iaitu Right Of First Refusal (ROFR) di mana Syarikat Milikan RISDA diberi keutamaan dalam semua jenis perolehan. Selepas pelaksanaan ROFR, EPSB telah mendapat 25 kontrak daripada ESPEK yang berjumlah RM127.3 juta.</i></p>	
8.4.2.2	Aktiviti Penuaian dan Pengangkutan Buah Tandan Segar	
8.4.2.2.a	EPSB memperoleh kontrak kerja di ladang RISDA yang diuruskan oleh ESPEK melalui tender. Semakan Audit mendapati, EPSB bergantung sepenuhnya kepada kontrak kerja yang diperoleh dari syarikat induk, iaitu ESPEK.	Syarikat telah berkolabiasi dengan mendapat kontrak-kontrak baru daripada luar seperti KESEDAR dan LKPP dan tidak lagi bergantung kepada syarikat induk.
8.4.2.2.b	<p>Jumlah kontrak yang berjaya diperoleh daripada ESPEK bagi aktiviti penuaian dan pengangkutan Buah Tandan Segar adalah masing-masing sebanyak 158 dan 111. Sebanyak 60 atau 38% kerja penuaian buah tandan segar dilaksanakan sendiri oleh EPSB manakala 98 atau 62% kerja ditawarkan kepada sub kontraktor.</p> <p>Sebanyak 36 atau 32.4% kerja pengangkutan Buah Tandan Segar dilaksanakan sendiri oleh EPSB manakala 75 atau 67.6% kerja ditawarkan kepada sub kontraktor.</p> <p>Masalah kekurangan jentera dan tenaga kerja adalah antara faktor yang menyebabkan EPSB melantik sub kontraktor.</p>	Kekurangan jentera dan tenaga kerja telah diperbetulkan dengan penambahan jentera pertanian dan tenaga kerja ladang.
8.4.2.2.c	Semakan Audit mendapati jumlah jentera yang dimiliki oleh EPSB tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah keluasan kerja kontrak yang diperoleh dari ESPEK. Selain itu, jentera yang diperlukan mesti bersesuaian dengan kerja yang dilaksanakan dan juga bentuk muka bumi. Ini	<p>Tindakan Pembetulan:-</p> <p>EPSB telah menambah bilangan jentera pertanian dan tenaga kerja ladang untuk melaksanakan sendiri projek / kontrak baru.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyebabkan EPSB melantik subkontraktor bagi menjalankan kerja kontrak.</p> <p>EPSB juga melaksanakan sendiri kerja kontrak bergantung pada jumlah tenaga kerja yang dimiliki. Semakan Audit mendapati jumlah tenaga kerja sedia ada adalah tidak mencukupi bagi melaksanakan kerja kontrak menyebabkan EPSB melantik pihak ketiga atau subkontraktor. Pengambilan tenaga kerja asing memerlukan kos yang tinggi meliputi yuran kemasukan pekerja asing, tambang perjalanan serta kos lain melibatkan pemilihan tenaga kerja asing di tempat asal mereka.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan aktiviti EPSB adalah memuaskan. Perolehan kontrak yang bergantung sepenuhnya dari syarikat induk iaitu ESPEK dan penawaran kerja kepada sub kontraktor yang disebabkan kekurangan jentera dan tenaga kerja telah menyumbang kepada untung kasar yang kecil kepada EPSB.</p> <p>Maklum Balas Daripada EPSB Diterima Pada 5 Disember 2014</p> <p><i>Syarikat telah mula melaksanakan sendiri kontrak yang diperoleh secara berperingkat khususnya dalam kerja penuaian dan pengangkutan buah tandan segar susulan daripada penambahan bilangan jentera dan tenaga kerja mulai bulan Februari 2014. Kesannya EPSB telah berjaya meningkatkan keuntungan daripada RM4.56/mt pada tahun 2013 kepada RM6.43/mt pada tahun 2014.</i></p> <p><i>EPSB telah membuat penambahan jentera pertanian daripada 20 buah kepada 41 buah dan penambahan tenaga kerja daripada 182 orang kepada 576 orang. Kesannya, EPSB telah berjaya mendapat kontrak luar seperti Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang dan lain-lain.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti EPSB adalah memuaskan. Lima daripada 10 aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2013 masih belum mencapai keuntungan yang disasarkan iaitu penanaman semula, penuaian, penorehan, penyelenggaraan dan bekalan input pertanian. Untung kasar EPSB juga kecil disebabkan penawaran kerja kepada sub kontraktor.</p>	<p>Tindakan Pembetulan:-</p> <p>Penambahan jentera pertanian daripada 20 unit kepada 41 unit dan penambahan tenaga kerja ladang daripada 182 orang kepada 576 orang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.3	Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan 8.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Secara umumnya tadbir urus korporat EPSB adalah baik.	Syarikat telah berdikari sepenuhnya mulai 1 Januari 2015. Urus tadbir korporat bertambah baik.
8.4.3.2	Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Secara umumnya pengurusan kewangan EPSB adalah baik.	Pengurusan kewangan EPSB juga telah bertambah baik.
8.4.3.2.a	Pertindihan skop perkhidmatan yang diberikan oleh ESPEK dan RISDA Holdings Sdn. Berhad dari segi perkhidmatan korporat, kewangan dan sumber manusia.	Bermula 1 Januari 2015 EPSB telah berdikari. Urus tadbir Korporat, Pengurusan Kewangan dan Sumber Manusia telah diperkuuhkan supaya tidak lagi berlaku pertindihan skop perkhidmatan.
8.4.3.2.b	Resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada pembayar pada masa urusan dibuat dan dicatat ke dalam buku tunai pada hari yang sama transaksi berlaku bagi mengelakkan penyelewengan. Maklum Balas Daripada EPSB Diterima Pada 5 Disember 2014 <i>Pertindihan skop perkhidmatan disebabkan masa transisi di mana pegawai EPSB memerlukan masa untuk belajar daripada syarikat induk mengenai perkara berkaitan kewangan dan perakaunan serta perkara lain yang berkaitan. Perjanjian dengan syarikat induk akan ditamatkan pada 31 Disember 2014 apabila EPSB sedia untuk berdikari. Mulai bulan September 2014, semua terimaan cek/tunai telah dikeluarkan resit pada tarikh terimaan.</i>	EPSB telah mengambil langkah mengemaskini pengurusan kewangan. Sistem perakaunan telah berjalan dengan baik dan masalah kelewatian isu resit rasmi tidak lagi berlaku.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2015
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan, No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP Putrajaya

www.treasury.gov.my